

BAB 5

KEMEROSOTAN , PENUTUPAN DAN KESAN

Dalam bab ini tinjauan lebih dijuruskan kepada sebab-sebab kemerosotan dan akhirnya membawa kepada penutupan lombong-lombong dikawasan Dungun Sebelum lombong besi mengalami kemerosotan, terlebih dahulu lombong wolfram dan timah mengalami nasib buruk yang lebih awal Umum mengetahui Terengganu pada awalnya terkenal sebagai pengeluar Wolfram dan Timah utama di Pantai Timur sebelum pembukaan lombong Sungai Lembing di Pahang.¹

TIADA PENEROKAAN BARU

Wolfram mula mencapai kemuncak pengeluarannya pada tahun 1918 sebanyak 10,366 pikul setahun dengan harga 12.00 (nilai wang Negeri Selat) bagi 1 pikul selepas daripada itu ia mengalami sedikit kemerosotan akibat jumlah kawasan yang diusahakan semakin kecil² Kawasan Chemerong merupakan lokasi perlombongan Wolfram yang paling akhir Pada tahun 1912, kawasan ini pada ketika itu sangat sukar didiami kerana ketiadaan perhubungan jalanraya serta ancaman keselamatan seperti penyakit malaria dan binatang buas, ekoran daripada itu perlombongan hanya memberi tumpuan kepada kawasan Bukit Lentor sahaja³ Pelombong-pelombong cina telah mengalih arah kepada perlombongan bijih timah yang sangat tinggi produktivitinya di Pantai Barat Pelombong tersebut lebih berminat kesana kerana terdapat jalinan jalanraya dan keretapi yang baik untuk mengeluarkan

¹ Kenyataan En. Abdul Aziz bin Haji Muhammad temuramah di rumahnya T.168 Kg. Cukai Kemaman pada 22.02.2001.

² *Annual Report of the British Agent Terengganu of year 1919*, hlm. 11.

³ *Ibid.*

hasil dan dihantar ke Pelabuhan Kesukaran ini menyebabkan penerokaan kawasan baru tidak dilakukan oleh pelombong asing mahupun tempatan.⁴

Kegiatan Perlombongan Bijih Timah juga mengalami kemerosotan yang ketara pada tahun 1925. Timah mula tidak menarik minat apabila Bijih Besi diusahakan secara besar-besaran oleh NMC⁵. Walaupun Bijih Timah dipercayai masih banyak dikawasan Paka dan Bandi tetapi pelombong tidak meminatiinya. Terdapat beberapa sebab kemerosotan kegiatan perlombongan di daerah Dungun, antaranya kurang galakan dari pihak Istana⁶. Sultan dan pembesar mula menumpukan perhatian kepada lombong besi di Bukit Besi, selain daripada itu pelabur juga tidak yakin kepada pulangan modalnya untuk meneroka kawasan baru kerana kawasan timah di Dungun sangat berselerak dan ini menyebabkan kos operasi menjadi tinggi.⁷

Pada tahun 1947, terdapat 6,327 8 ekar keluasan yang mempunyai kandungan Timah yang agak banyak. Oleh kerana kedudukannya yang tidak setempat menyukarkan pelombong untuk mengusahakannya⁸. Pihak kerajaan juga tidak mampu untuk mengusahakannya sendirian akibat kurang modal dan kepakaran Dungun juga mempunyai boksit grafit dan emas tetapi kedua-dua sumber ini tidak pernah dilakukan penerokaan secara sungguh-sungguh⁹. Walaupun pihak pemerintah mengetahui sejarah kewujudan Kampung Syukur sangat berkait rapat dengan perlombongan emas Kegiatan lombong emas turut terkubur kerana tiada usaha penerokaan baru.¹⁰

⁴ *Ibid.*

⁵ ARSUKTr. Tahun 1925, *Fail SUKTr.* ANM Kuala Lumpur, hlm. 16.

⁶ *Fail SUK Terengganu Tahun 1967*, No 346/1382, ANM Kuala Lumpur.

⁷ *Ibid.*

⁸ *Ibid.*

⁹ *Fail dlm lok. No. 376/2603*, 1926, ANM Kuala Lumpur.

¹⁰ *Ibid.*

Lombong besi yang menjadi tumpuan masyarakat Dungun dan amnya Terengganu turut mengalami kemerosotan pengeluarannya¹¹. Adalah terlalu sukar untuk mempercayai lombong yang begitu besar boleh mengalami kemerosotan dan akhirnya membawa kepada penutupan. Pihak EMMCO telah beberapa kali memohon agar kawasan perlombongan diperluaskan supaya operasi dapat dipertingkatkan pada tahun 1958, Pejabat EMMCO telah memohon kawasan seluas 1680 ekar daripada Kerajaan Negeri Terengganu untuk meningkatkan pengeluarannya¹²

Permohonan EMMCO tidak mendapat jawapan dari pihak kerajaan. Pada tahun 1964 sekali lagi pihak EMMCO membuat permohonan juga tidak mendapat jawapan dan akhir sekali pada tahun 1968 EMMCO mengulangi permohonannya tetapi ditolak oleh kerajaan kerana tidak berpuas hati terhadap EMMCO yang gagal mematuhi perjanjian iaitu melantik dan melatih anak Terengganu dalam sektor perlombongan di peringkat pegawai, pengurus dan pekerja kemahiran¹³

Oleh kerana EMMCO satu-satu Syarikat yang menguasai sektor perlombongan besi di Dungun, maka sudah tentu ia mempunyai desakkan yang kuat terhadap kerajaan. EMMCO bermula tahun 1965 telah mula mengurangkan hasil pengeluaran¹⁴

EMMCO memberi alasan kawasan yang ada kurang produktif. Pihak pengurusan EMMCO memberi alasan jika tiada kawasan baru dibuka dalam masa terdekat operasi perlombongan bijih besi akan ditutup. Dalam soal ini kita dapat

¹¹ *Fail EMMCO*, Sura Komplek Terengganu ANM, Kuala Lumpur 1968.

¹² *Fail SUKTr* tahun 1966, No 426/1264, ANM, Kuala Lumpur.

¹³ *Ibid.*

¹⁴ *Ibid.*

seolah-olah ada permainan tarik tali antara pihak EMMCO dengan kerajaan Terengganu¹⁵

JADUAL 5.1

Eksport bijih besi dari Dungun mengikut Negara-negara pengimport pada tahun 1966-1970

NEGARA PENGIMPORT	KUANTITI DIEKSPORT (TAN)				
	1960	1967	1968	1969	1970
JEPUN	5,607,182	5,181,105	5,035,027	5,197,945	4,813,015
TAIWAN	57,051	64,418	51,692	12,517	10,156
THAILAND	376	329	288	259	417
LAIN-LAIN NEGARA	16,081		19,700	51,583	31
JUMLAH	5,680,690	5,245,852	5,106,707	5,262,303	4,823,619

Sumber : *Bancian Perusahaan-perusahaan Perlombongan di Malaysia 1970*, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur

Dari Jadual 5.1 kita dapat berlaku kemerosotan yang ketara dari tahun 1960 iaitu pengeluaran 5,680,690 tan turun kepada 5,245,852 tan pada tahun 1967. Pada tahun 1968 turun kepada 5,106,707 tan pada tahun 1969 naik sedikit kepada 5,262,303 tan tetapi pada tahun 1970 turun mendadak kepada 4,823,619 tan. Berdasarkan kepada jadual tersebut nyatakan bahawa salah satu sebab kemerosotan pengeluaran bijou besi di Dungun adalah akibat kurangnya penerokaan kawasan lombong baru di Bukit Besi.

¹⁵ Ibid.

KELEMAHAN PENTADBIRAN KERAJAAN

Ketidakstabilan Politik negeri turut mempengaruhi kemerosotan penghasilan lombong. Suasana Politik yang sering bergolak telah mengurangkan keyakinan pelabur terutama EMMCO. Pada tahun 1959 berlaku perubahan politik di Terengganu, hal ini telah menimbulkan kebimbangan kepada EMMCO¹⁶. Mereka takut kalau-kalau berlaku perubahan polisi pentadbiran terhadap pelaburan. Perubahan pentadbiran Negeri yang tidak sehaluan dengan Kerajaan Pusat telah membawa kepada kurangnya kerjasama Ekonomi. Suasana ini melambatkan proses peningkatan pembangunan Negeri Terengganu¹⁷.

Daripada kajian dibuat UPEN didapati gagal bertindak dengan berkesan terhadap potensi Negeri Terengganu sebagai sebuah negeri perlombongan. Kerajaan gagal bertindak dalam sektor perlombongan, kegiatan perlombongan diserahkan kepada EMMCO, tanpa pemantauan yang berkesan. Kerajaan Negeri hanya tahu menerima cukai dan sewa tanah daripada Syarikat Perlombongan. Kerajaan juga gagal melatih anak tempatan dari segi kemahiran dan pengurusan, pada hal mereka menyedari hasil lombong sangat penting kepada Ekonomi Negeri. Kelemahan ini telah membawa kesan yang buruk kepada penghasilan negeri dari segi pendapatan negeri untuk jangka panjang¹⁸.

Tindakan Kerajaan tidak meluluskan kawasan baru yang dipohon oleh EMMCO dianggap satu kesilapan besar kerana kesan daripada itu kawasan lombong yang diusahakan turut mempengaruhi hasil pengeluaran besi di Dungun. Pihak

¹⁶ ARPTGTr. Tahun 1969, hlm. 16.

¹⁷ Fail ARSET, 1965 hlm. 21.

¹⁸ Ibid.

EMMCO juga sangat kecewa dengan tindakan kerajaan menolak permohonannya untuk mendapat kawasan baru. Sebagai tindak balas EMMCO telah bertindak mengurangkan pengeluaran serta memecat pekerja-pekerja lombong pada tahun 1970.¹⁹ Pada tahun 1971 EMMCO bertindak menutup lombong Bukit Besi.

Aspek lain yang membawa kemerosotan kegiatan perlombongan boleh kita lihat dari aspek kestabilan Politik, Negeri Terengganu berbeza dengan Negeri Pantai Barat.²⁰ Masyarakat Terengganu sangat sensetif dengan sesuatu isu baik ekonomi maupun agama. Mana-mana kerajaan yang memerintah akan mengambil kira sokongan rakyat. Oleh kerana politik pembangkang sangat kuat pemimpin kerajaan terpaksa menumpukan perhatian kepada politik, akibatnya tumpuan kepada politik yang berlebihan telah menyebabkan fokus kepada kegiatan ekonomi terabai.²¹

Kerajaan Negeri juga didapati gagal menyediakan kemudahan infranstruktur yang baik dan mencukupi kepada rakyat, selain dari itu, kemudahan kearah menggalakan pelaburan kurang merangsangkan sebagai negeri yang termundur sekali di Malaysia selepas merdeka. Terengganu sepatutnya berusaha menarik pelabur asing untuk menanam modal disini.²²

Selepas kemerdekaan ekonomi Malaysia dibuka kepada perdagangan antarabangsa. Sektor eksport telah menjadi penyumbang utama kepada prestasi pertumbuhan ekonomi. Perkembangan dalam lain-lain sektor pembangunan dan kemudahan infrastruktur menyumbang kepada peningkatan hasil kerajaan serta

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ Zainal Abidin bin Abd Wahid *sejarah Malaysia sepintas lalu*, DBP Kuala Lumpur, 1972, hlm. 23.

²¹ Adnan bin Mohd Noor, perjuangan Dato' Ibrahim Fikri dalam arina politik Terengganu, Latihan Ilmiah B.A. Universiti of Malaya Kuala Lumpur, 1974, hlm. 46.

²² *Ibid.*

menarik kemasukan pendatang ke Malaysia pada masa itu sebagai tenaga buruh. Tetapi Terengganu masih kekal pada tahap asal iaitu pergantungan sepenuhnya kepada hasil pertanian dan hasil lombong bijih besi di Bukit Besi Sesungguhnya pergantungan ini telah membawa kepada situasi yang sangat bahaya iaitu ketidakstabilan ekonomi negeri Terengganu.²³

Selepas era kemerdekaan kita dapati aliran modal mula masuk ke Malaysia terutama ke negeri yang stabil dan kukuh politiknya.²⁴ Modal dari luar terutamanya dari British pada tahun 1963 tertumpu pada bidang-bidang perdagangan kemudian bertukar kepada pertanian dan perlombongan. Perak dan Selangor menjadi tumpuan utama disebabkan kestabilan politiknya.²⁵ Sesungguhnya politik dalam negeri dan corak pemerintahan banyak mempengaruhi kadar pembangunan sesebuah negeri. Pada tahun 1950 dan 1960an, Terengganu hampir tiada didatangi pelabur asing.²⁶ Keadaan ini adalah disebabkan oleh keadaan politiknya yang tidak stabil iaitu masih menjadi negeri yang sering bergolak antara PAS dan UMNO. Pelabur Inggeris tidak berminat untuk membuat pelaburan terutamanya dalam perlombongan dan perdagangan dikhuatiri berlaku kerugian akibat suasana politik.²⁷

Keadaan yang sama berlaku di negeri China pada suatu ketika dahulu. Pelabur takut untuk melakukan pelaburan di Negara tersebut disebabkan oleh bentuk pemerintah perancangan pusat atau sosialis yang dijalankan.²⁸ Semua keputusan akan ditentukan oleh kerajaan yang memerintah tanpa hak bersuara oleh rakyat. Kenyataan

²³ Junid Saham, *British Investment In Malaysia 1963-1971*, hlm. 7.

²⁴ David Lim, *Reading On Malaysia Economi Development*, 1975 hlm. 3.

²⁵ A.Hamid Abdullah "some Aspect of Rura Development in Terengg, 1957 – 1969, M.A Thesis University Malaya, K.L 1977..

²⁶ *Ibid.*

²⁷ D.Guyot, "The Politic 's of Land Comparative Ltd.

²⁸ *Development in Two states* " dalam *Pacific affair*, Vol. 15, no, 3, thn. 1961, hlm. 377.

ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Nega Berhanu (1991) ke atas negara China iaitu pertumbuhan pesat dalam ekonomi hanya berlaku apabila terdapat perbelanjaan oleh pekerja dan petani di negara China²⁹

Kesan politik di Terengganu amat jelas Syarikat EMMCO tidak membuat pelaburan baru pada kegiatan perlombongannya.³⁰ Kegagalan untuk mendapat konsesi baru kawasan perlombongan dari Kerajaan Negeri pada tahun 1969 telah sedikit sebanyak menghilangkan minat terhadap pelaburan di Terengganu³¹ EMMCO telah membatalkan pembelian baru alat-alat perlombongan. Keadaan menjadi runcing lagi apabila harga bijih besi mulai turun. Namun begitu keadaan ini tidak berlaku di Pantai Barat Semenanjung kerana pentadbirannya berupaya menggalakkan pelaburan asing.³² Syarikat-syarikat Eropah berebut-rebut menanam modal dalam sektor bijih timah. Oleh yang demikian, kita dapat mengetahui bahawa pelabur hanya akan melabur apabila mereka melihat potensi pertumbuhan ekonomi cerah, tetapi keadaan ini tidak berlaku di negeri Terengganu. Kajian oleh Yong Rok Choi (1992) ke atas negara Taiwan iaitu negara yang diletakkan di antara kategori negara maju dan negara sedang membangun, juga merumuskan tentang faktor-faktor politik turut mempengaruhi jumlah pelabur yang memasuki negara tersebut.³³

²⁹ Ibid.

³⁰ Ibid.

³¹ Muhamad A. Bakar *op.cit* hlm 278.

³² Nega Berhanu, *Three Essays On The Structural Of Accumulation In Peripheral Socialist Economist*, 1991, hlm. 101.

³³ Yong Rok Choi, *Foreign Direct Investment By Korean Manufacturing Firm*, Tesis M.A Ekonomi, Universiti Malaya, thn. 1992 hlm. 337.

Dari analisis kajian-kajian terdahulu yang dijalankan oleh penyelidik ekonomi, kita boleh membuat kesimpulan bahawa faktor kestabilan merupakan salah satu faktor yang amat mempengaruhi kadar pelaburan dan pertumbuhan ekonomi di sesuatu daerah, negeri mahupun negara³⁴ Sebagai contoh, apabila kegiatan menanam getah secara besar-besaran dimulakan di Malaysia, didapati pelabur masih bertumpu di Pantai Barat walaupun terdapat masalah kekurangan tanah. Sungguhpun Terengganu mempunyai tanah yang luas serta murah tetapi tidak diminati Pihak Inggeris sanggup membawa pekerja dari luar terutama dari India untuk bekerja di Pantai Barat³⁵

Bagi negeri Terengganu, banyaknya permasalahan menjadi punca ekonomi kurang maju walaupun pemimpin negeri tahu Terengganu banyak mengandungi hasil galian dan sumber bahan mentah. Antara faktor utama ialah penduduk Terengganu kurang pendidikan. Selain dari itu, rata-rata tenaga buruh tidak berkemahiran dan paling penting ialah tiada kemudahan asas yang mencukupi untuk menarik pelabur dari luar.³⁶

FAKTOR PETROLEUM

Pada penghujung penutupan lombong bijih besi di Bukit Besi telah ada tanda-tanda kemungkinan perairan Terengganu terdapat banyak petroleum³⁷ Di awal 1950an kebanyakannya negara membangun terutama negara yang baru merdeka menjadi fokus syarikat-syarikat minyak multi-nasional untuk menguasai sumber semulajadi di

³⁴ Hassan Ismail, Isu dan masalah pembangunan dari perspektif Rakyat Terengganu. *Berita Harian* 1 Mei 1976, hlm. 3

³⁵ *Ibid.*

³⁶ Peter F. Dricker, "Economic Development and Talent," dalam *Dialogue*, vol. 11, No. 4, 1969, United States Information Agency, Washington 1969, hlm. 9.

³⁷ V. V. Bhanoji Rao, *Malaysia: Development Pattern and Policy*, University Malaya Press, 1980, hlm 15.

negara-negara tersebut³⁸ Kebiasaannya segala sumber petroleum akan dikuasai oleh syarikat-syarikat yang mengusahakannya. Hak negara membangun hanyalah dalam pemungutan cukai dan royalti. Keadaan tersebut telah mewujudkan kesedaran dan membawa kerjasama yang lebih erat dalam urusan petroleum di kalangan kumpulan negara pengeluar yang sedang membangun.³⁹ Hasilnya, pada tahun 1960 pertubuhan negara pengeksport minyak (OPEC) telah ditubuhkan. Malaysia tidak terkecuali dari menghadapi perubahan dalam industri minyak. Seperti lain-lain negara membangun yang lain, eksploitasi minyak di Malaysia sehingga suku abad ini dijalankan oleh syarikat minyak asing di bawah sistem konsesi⁴⁰. Dalam hal ini syarikat minyak mempunyai hak milik ke atas kawasan perlombongan, tertakluk kepada kawalan yang minimum dan pihak kerajaan hanya menerima royalti. Situasi yang sama terjadi pada negeri Sarawak.⁴¹

Royalti Petroleum

Selepas kemerosotan hasil besi, kerajaan negeri Terengganu memfokuskan kepada pertanian sebagai sumber gantian pendapatan. Namun hasil pertanian tidak begitu memuaskan. UPEN mencadangkan agar kawasan lombong besi baru dibuka semula dengan usaha kerajaan walaupun ia agak tidak praktikal kerana melibatkan modal yang besar dan berisiko dengan harga besi turun naik di pasaran dunia. Namun

³⁸ *Rancangan Malyasia Kedua, 1976 – 1980*, Unit Perancang Ekonomi Negara 1976, hlm. 42.

³⁹ Mohamad Abu Bakar. *op-cit*, hlm. 39.

⁴⁰ Dato' Seri Anar DiRaja, Menteri Besar Terengganu (pelikan dari teks ucapan aluan buku Cenderahati) "Sepuluh Tahun Pembangunan Negeri Terengganu 1974 – 1984", 13hb. Ogos 1985, hlm. 8.

⁴¹ Abd Hamid bin Abdullah, *Some Aspect of Rural Development in Terengganu West Malaysia 1957-1967* Tesis M.A. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 113.

begitu jika tiada pilihan atau sumber gantian lain yang lebih lumayan, besar kemungkinan kawasan baru lombong besi di Dungun akan dibuka⁴²

Pada tahun 1978, Terengganu sangat bertuah kerana perusahaan petroleum mula mengeluarkan hasil. Negeri Terengganu memperolehi 5% daripada hasil minyak setahun⁴³. Royalti petroleum merupakan sumber pendapatan terbesar kepada hasil negeri Terengganu setiap tahun bermula dari tahun 1978. Rakyat Terengganu meletakkan harapan yang besar agar hasil ini dapat mengubah kedudukan ekonomi mereka. Justeru itu berbagai isu tentang pengagihan royalti dan penggunaan royalti oleh kerajaan telah menjadi perbincangan hangat di kalangan rakyat Terengganu terutamanya menjadi modal politik parti pembangkang.⁴⁴ Mereka bimbang dengan cara kerajaan Terengganu menggunakan wang royalti minyak sebanyak RM300 juta secara tidak berhemah. Kerajaan digesa supaya sedar bahawa pada suatu masa, sumber petroleum akan habis sebagaimana bijih besi di Bukit Besi⁴⁵. Dengan itu, kerajaan diminta menggunakan wang pada pelaburan yang menguntungkan seperti Proton Saga, industri-industri besar samada dalam atau luar negeri.⁴⁶ Pendapatan lumayan ini memaksa Terengganu melupai terus hasil bijih besi. Kawasan Bukit Besi terbiar seketika selama 15 tahun. Kerajaan telah memberi tumpuan pada bahagian pantai Paka dan Kerteh. Banyak pelaburan swasta dan kerajaan dicurahkan dalam semua sektor ekonomi.⁴⁷

⁴² Ibid.

⁴³ Ibid.

⁴⁴ *Akhbar Harakah*, 5 Februari 1988 hlm. 22-23.

⁴⁵ Drs. Hilma Surawigua. *Pembangunan Ekonomi*. Penerbitan Dian Rakyat, Jakarta, 1965, hlm 109.

⁴⁶ Mokhtar Yusof, PAS dan permasalahan dalam pentadbiran negeri Terengganu, *Watan* 20.4.1973, hlm. 13.

⁴⁷ Mohamad Abu Bakar *op.cit*, hlm. 42.

Projek-Projek Pembangunan Petroleum

Petroleum sebagai sumber gantian yang cukup baik kepada bijih besi, malah jauh lebih lumayan. Oleh itu, ia menjadi punca penggerak utama dalam proses pembangunan ekonomi dan sosial yang berjalan dengan pesat. Berbagai projek pembangunan yang berasaskan petroleum dan gas telah dan sedang dilaksanakan seperti projek-projek “upstream” (human) dan “downstream” (hiliran).⁴⁸

Kegiatan Huluau

Di peringkat “upstream”, kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh ESSO dan PETRONAS ialah mencarigali dan memajukan kawasan masing-masing. Disamping menyelia para kontraktornya dan melibatkan diri dalam aktiviti huluau melalui petronas carigali, PETRONAS juga menjalankan kajian seismik yang merupakan aktiviti penting dalam usaha eksplorasi petroleum. Kajian-kajian seismik terus dijalankan untuk mengenal pasti kawasan baru yang mempunyai potensi petroleum.⁴⁹

Pengeluaran minyak mentah negara telah bertambah dari tahun ke tahun. Bermula dengan pengeluaran serendah 4,000 tong sehari dalam tahun 1968, kemudiannya meningkat 90,000 tong sehari pada tahun 1973. Menjelang akhir tahun 1976, apabila perjanjian perkongsian pengeluaran pertama kali ditandatangani, pengeluaran telah mencapai angka 165,000 tong sehari pada 1984.⁵⁰

⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁹ *Nada PETRONAS*, 17 Ogos 1984 hlm. 34.

⁵⁰ *Laporan Kemajuan Negeri Terengganu 1987/1988*, Pejabat Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu 1987, hlm. 2.

Sepanjang tahun 1987, pengeluaran minyak mentah negara ialah sebanyak 494,200 tong sehari iaitu pengurangan pengeluaran berbanding pada tahun 1986 iaitu sebanyak 510,000 tong sehari. Mengenai pengeluaran tahun 1988 pula, seperti yang diumumkan oleh Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa pengeluaran minyak akan ditambah dari 494,200 tong kepada 540,000 tong sehari.⁵¹

Kegiatan Hiliran

Pada peringkat awal penubuhannya, PETRONAS bergiat dalam aktiviti hiliran untuk mencapai intergrasi sebagai sebuah syarikat minyak dan menentukan supaya dalam masa krisis dan kekurangan bekalan, terdapatnya bekalan dan petroleum yang mencukupi. Dalam bidang hiliran (downstream), projek-projeknya boleh dibagikan kepada projek-projek infrastruktur.⁵²

Projek-projek yang berasaskan petroleum yang dikendalikan oleh PETRONAS meliputi loji penapis minyak. Projek penggunaan gas termasuk loji memproses gas dan pembotolan LPG dan rangkaian stesyen-stesyen minyak. Selain dari itu, ESSO di bawah perjanjian perkongsian pengeluaran dengan PETRONAS mengendalikan pangkalan minyak mentah.⁵³ Antara projek yang akan menggunakan gas sebagai bahan api ialah Stesyen Janakuasa Elektrik Paka, yang dikendalikan oleh LLN dan Kompleks Perusahaan Besi Waja yang dikendalikan oleh Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.⁵⁴

⁵¹ *Ibid.*

⁵² Nada PETRONAS, keluaran khas 3 Oktober 1983 hlm. 16.

⁵³ Chong Song Huat, "Hasil Minyak akan ubah corak Teengganu," dalam *Berita Harian*, 26.7.1975, hlm. 10.

⁵⁴ Kenyataan Datok Musa Hitam, *New Straits Time*, 30 Dis.1985, hlm. 3.

Loji Penapis Minyak

Menapis minyak merupakan bahagian terpenting dalam industri petroleum. Minyak mentah mesti ditapis sebelum ianya boleh digunakan. Sebagai langkah pertama dalam rancangan untuk memproses minyak mentah sendiri, ia meningkat kepada 207,000⁵⁵ tong sehari. Kini terdapat empat buah loji penapis minyak sedang dalam operasi, dan loji yang pertama dipunyai oleh negara ini. Lain-lain loji penapis adalah milik asing, dua milik Shell di Lutong dan Port Dickson.

Hasil keluaran loji penapis minyak Terengganu adalah gas petroleum cecair (GPC), nafta, minyak tanah, diesel, sisa melekit bersulfur rendah dan gasoline motor. Loji pembotolan LPG di Kertih telah memulakan operasi pada bulan April 1984. PETRONAS sedang merancang untuk membina sebuah lagi loji penapis minyak bagi menambah penapisan dalam negeri untuk memenuhi keperluan bahan petroleum pada masa hadapan⁵⁶.

Loji Memproses Gas

Loji memproses gas telah siap dibina pada penghujung tahun 1984. Loji ini memproses gas mentah dari luar pantai Terengganu di mana gas cecair petroleum (LPG) akan diasingkan dan disalurkan ke Tanjung Sulong untuk

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ Tan Sri Ibrahim Fikri, "kata-kata aluan sempena pemukaan kilang kelapa sawit Kemaman", dalam Patricia Sim, *op.cit*, hlm. 22.

dieksport⁵⁷. Sementara gas dry akan dihantar melalui paip ke Stesyen Janakuasa Letrik LLN di Paka dan ke Kawasan Perindustrian Teluk Kalong untuk kegunaan kompleks perusahaan besi waja kepunyaan HICOM.⁵⁸ Gas asli dari medan-medan luar pantai Terengganu didaratkan ke Kertih dimana ia disalurkan ke sebuah loji memproses gas.⁵⁹

Pangkalan Minyak Mentah

ESSO telah menyiapkan pengkalan ini di Kertih pada bulan Jun 1983 dengan harga RM588 juta. Pangkalan ini menerima minyak mentah yang dikeluarkan di lapangan-lapangan minyak melalui saluran paip sepanjang 127 batu dan berupaya menyalurkan 380,000 tong sehari. Pangkalan ini mengandungi empat tangki besar yang boleh menyimpan sebanyak dua juta tong minyak mentah. Ia juga mempunyai kemudahan-kemudahan mengeksport yang dapat mengendalikan kapal-kapal minyak seberat antara 140,000 DWT hingga 250,000 DWT.⁶⁰

Projek-projek ‘downstream’ yang lain yang dikendalikan oleh PETRONAS termasuklah pembangunan stesyen-stesyen minyak dan stesyen LPG untuk kegunaan kenderaan. Ini membolehkan rakyat Terengganu menyertai sama disamping menjamin bekalan bahan-bahan petroleum yang mencukupi. PETRONAS juga bercadang untuk menyelaraskan harga bahan-bahan petroleum di pasaran Pantai Timur dan Barat dengan adanya loji penapis minyak di Terengganu.

⁵⁷ *Ibid.*

⁵⁸ Nada PETRONAS, 24 Ogos 1985 hlm. 36.

⁵⁹ *Ibid.*

⁶⁰ Tengku Razaleigh Hamzah “Towards a National oil Policy” kertas kerja di Konversyen Ekonomi, Malaysia kedua, laporan Petronas pada 24.3.1975, hlm. 12.

Sejajar dengan tujuan kerajaan untuk menggalakkan penggunaan gas di dalam negeri, PETRONAS telah memasarkan gas pada harga yang berpatutan. Harga gas yang dikenakan adalah lebih murah daripada harga bahanapi lain untuk menggalakkan pelabur-pelabur asing membina perusahaan mereka di negeri Terengganu dan juga pengguna-pengguna tempatan yang menggunakan gas sebagai sumber tenaga.

Penyeliaan Infrastruktur Industri Petroleum

Projek-projek minyak dan gas yang tersebut di atas memerlukan berbagai kemudahan. Oleh itu Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) telah menjalankan beberapa projek infrastruktur. Projek-projek tersebut meliputi pembinaan pangkalan pembekalan petroleum dan Pelabuhan Air Dalam di Tanjung Berhala, Kawasan Perindustrian Teluk Kalung, Lapangan Terbang Kertih, Pekan Baru Kertih dan Kompleks Perumahan di Rantau PETRONAS dan lain-lain lagi⁶¹

Penutupan lombong besi pada peringkat awal memang menyukarkan kerajaan kerana tidak ada penggantian hasil yang lain. Dengan terjumpanya petroleum, kerajaan telah melupakan bijih besi kerana petroleum lebih baik sumbangannya kepada penduduk negeri dan rakyat. Dari peranan yang telah diuraikan, jelaslah bahawa Terengganu amat bertuah kerana sebilangan besar projek-projek petroleum dilancarkan di dalam negeri Terengganu. Dari sebuah negeri yang bergantung kepada perusahaan, perikanan dan pertanian, Terengganu sekarang sedang bergerak pesat ke arah pembangunan ekonomi yang berdasarkan pengeluaran petroleum dan segala yang

⁶¹ Fail Pejabat Unit Perancang Ekonomi, Negeri Terengganu. Pembangunan Infransktur kawasan Paka dan Kerteh bil 22/80. 1980.

berkaitan dengannya. Harapan kerajaan negeri Terengganu untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru dalam jangka masa panjang amat besar. Harapan yang tinggi dan keyakinan yang penuh menyebabkan kerajaan negeri memberi tumpuan kepada perusahaan petroleum untuk menjadi pendorong utama dalam pembangunan negeri⁶². Ini dibuktikan dengan satu persidangan Dewan Undangan Negeri dalam 1977 diteruskan sehingga ke pukul tiga pagi bagi menyediakan satu memorandum kepada Y.A.B. Perdana Menteri, merayu supaya projek perusahaan petroleum ditempatkan di negeri Terengganu. Semoga peristiwa yang berlaku di zaman perlombongan bijih besi di Bukit Besi tidak berulang lagi.

Situasi petroleum lebih baik berbanding era bijih besi di Terengganu. Dalam sektor petroleum, kita agak bertuah kerana adanya PETRONAS yang mengawal industri tersebut. Keadaan ini menyebabkan hak negara terjamin. Masyarakat setempat lebih banyak mendapat faedah dari industri utama dan hiliran. Berbeza di zaman NMC dan EMMCO yang mengusahakan bijih besi, kerajaan negeri tidak mempunyai hak apa-apa, tambahan pula kita di bawah jajahan orang lain.

PENUTUPAN BUKIT BESI

Setelah hampir 40 tahun Bukit Besi beroperasi serta memberi sumbangan yang agak besar kepada negeri Terengganu, akhirnya pada tahun 1970, aktivitinya ditamatkan. Keadaan ini telah menimbulkan berbagai-bagai reaksi masyarakat. Penduduk negeri Terengganu terpinga-pinga akibat penutupannya. Mereka bertanya sesama sendiri punca lombong besi ditutup. Mereka membuat berbagai-bagai andaian dan sesetengah daripada mereka menyalahkan pihak kerajaan kerana tidak cuba

⁶² *Ibid.*

menghalang penutupannya kerana Syarikat EMMCO tidak langsung membayangkan kemungkinan lombong besi akan ditutup. Kebanyakan pekerja tidak bersedia menghadapi masalah ini. Apakah benar bijih besi di sini sudah kehabisan atau sebaliknya ? Penutupan lombong ini amat menyedihkan hati pekerja-pekerjanya. Reaksi bekas pelombong-pelombong menyatakan penutupan lombong bukan sahaja menutup mata pencarian mereka malah memberi kesan psikologi kepada ahli-ahli keluarga. Sebenarnya, penutupan Bukit Besi bukan disebabkan ketiadaan atau kehabisan bijih besi tetapi kerana masalah dalaman Syarikat EMMCO.

Faktor-Faktor Penutupan Lombong Bukit Besi

- i) EMMCO pada 1/10/1970 telah memutuskan secara rasmi operasi perlombongan ditamatkan kerana ketiadaan sumber besi yang bermutu. Hasrat penutupan ini juga dipersetujui oleh Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Perusahaan Perlombongan Pantai Timur Cawangan Bukit Besi dan juga Kerajaan Negeri Terengganu. Alasan kekurangan besi ini disiarkan dalam surat pekelilingnya yang merupakan notis penamatan jawatan kepada pekerja-pekerjanya yang menyatakan⁶³

“Pada bulan Oktober 1970, pihak syarikat dan kesatuan pekerja-pekerja lombong Bukit Besi telah mengambil keputusan untuk menutup lombong dengan alasan bahawa simpanan bijih besi yang bermutu di kawasan-kawasan tanah pajak sulit telah habis

Pada hakikat sebenarnya, pihak pekerja-pekerja lombong Bukit Besi tidak setuju ia ditutup. Alasanya kekurangan bijih besi sama sekali tidak diterima. Pekerja di bahagian pengeluaran mengetahui longgokan besi masih banyak. Mereka juga tidak

⁶³ *Fail Emmco*, pejabat Sura Gate Dungun 28 November 1970.

pernah dimaklumkan bahawa lombong bijih akan ditutup. Sebaliknya penutupannya dibuat secara mendadak tanpa berunding.⁶⁴

Apabila pekerja-pekerja menerima notis berhenti kerja beserta alasannya, maka ramai mempersoalkannya. Jika benar ketiadaan bijih bertemu pada kawasan pajakan kenapa pihak syarikat tidak memohon kepada Kerajaan Negeri kawasan baru yang berdekataan yang masih banyak kandungan besinya sehingga ke hari ini. Mereka juga mempersoalkan baki bijih yang sedang di lombong sebanyak 2 juta diambil dari bukit yang sama dimana 80% dari bukit itu belum disentuh.

ii) EMMCO juga memberi alasan lain sebab-sebab penutupannya. Pihak syarikat gagal memperolehi kontrak-kontrak dari syarikat keluli di Jepun untuk membeli bijih besi keluarannya. Alasan kedua ini boleh diterima oleh pekerja-pekerja dan juga Kerajaan.

iii) Negeri Terengganu malah dengan alasan itulah, maka semua pihak akur pada kehendak EMMCO menamatkan operasinya. Persoalan yang timbul Cuma mengapakah tidak diusahakan mencari pasaran lain dan mengapakah kerajaan negeri tidak mencari tindakan alternatif.⁶⁵

Sebab-sebab mengapa EMMCO gagal mendapat kontrak dari syarikat keluli Jepun berpunca dari kedegilannya sendiri. Kerajaan Jepun telah mensyaratkan jika EMMCO mahu menjual besinya, EMMCO terpaksa membeli paralatan perlombongan dari

⁶⁴ Kenyataan Muhamad Rosli bin Abdullah, Chukai Kemaman, temuramah dirumahnya pada 26.2.2001.

⁶⁵ *Bancian Perusahaan-perusahaan Perlombongan 1969*, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1970 hlm. 15.

negara Jepun. Bagi Jepun hal ini penting bagi mendapatkan pertukaran wang dari sudut perdagangan antarabangsa. Oleh sebab perasaan tidak yakin pada mutu barang Jepun di kalangan ahli Lembaga Pengarah EMMCO, maka syarat itu tidak dipenuhi. Tambahan pula, rata-rata Lembaga Pengarah terdiri dari orang Eropah yang sompong dan sering memandang rendah kepada keupayaan orang timur.

EMMCO mendakwa kurang mendapat kerjasama dari Kerajaan Negeri Terengganu dengan alasan Kerajaan Negeri Terengganu gagal meluluskan kawasan baru yang dipohon Namun yang pastinya, EMMCO gagal memenuhi syarat perjanjian yang sepatutnya iaitu melatih penduduk tempatan dalam kemahiran yang tinggi berkaitan perlombongan besi⁶⁶

Pihak pengurusan gagal mencari pasaran baru terutama di Eropah. Kelemahan pengurusan EMMCO merupakan faktor utama kepada penutupan operasinya. Ahli-ahli Lembaga Pengarah seringkali berbeza pendapat dari segi strategi pemasaran dan operasi EMMCO. Keadaan kemerosotan industri keluli di Amerika Syarikat dan Jerman turut mempengaruhi kepitusan ini. Setelah memikirkan dengan teliti, pihak pengurusan Syarikat EMMCO memutuskan bahawa adalah lebih baik menamatkan operasinya daripada menghadapi risiko kerugian yang lebih besar jika ianya terus beroperasi. Oleh itu, secara rasminya operasi Syarikat EMMCO ditamatkan pada 1.10.1970.⁶⁷

⁶⁶ *Ibid.*

⁶⁷ Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia 1969, *Bancian Perusahaan-perusahaan Perlombongan di Malaysia, thn. 1971*, hlm. 21.

Reaksi Pekerja.

Penutupan lombong Bukit Besi telah memberi tamparan yang hebat kepada kerajaan Negeri Terengganu Kepimpinan Negeri di Bawah Datok Ibrahim Fikri dalam keadaan tertekan. Mereka kehilangan satu sumber pendapatan lumayan. Ekoran dari itu, Kerajaan Negeri Terengganu menjalankan leangkah-langkah berjimat cermat terutama dalam perbelanjaan pengurusan. Berita penutupan Bukit Besi turut dirasai oleh rakyat negeri Terengganu terutama pekerja-pekerja lombong dan masyarakat setempat. Mereka seolah-olah tidak percaya apabila menerima notis pemecatan dari pihak EMMCO, adalah tidak munasabah lombong bijih besi di Bukit Besi ditutup. Hal ini terjadi kerana pada mereka, mereka tidak langsung nampak tanda-tanda pihak majikan berbuat demikian

Pada awal tahun 1970, penghasilan besi tidak menunjukkan pengurangan yang nyata dari segi pengeluarannya. Pihak syarikat EMMCO seringkali memberi galakan kepada pekerja agar bekerja kuat ke arah meninggikan produktiviti keluarannya. Dalam masa yang sama, pihak syarikat membayar imbuhan kenaikan gaji dan bonus tahunan seperti biasa. Pada 1.11.1970 bermulalah sejarah hitam bagi pekerja dan masyarakat yang berkaitan dengan aktiviti perlombongan besi di Bukit Besi. Pekerja-pekerja lombong dengan linangan air mata menerima surat notis pemecatan mereka.⁶⁸

⁶⁸ Penutupan Lombong Bukit Besi, *Berita Harian* 26.7.1975 hlm. 10.

Namun begitu pihak EMMCO tidak membuat pemecatan secara serentak. Langkah ini diambil agar tidak menimbulkan kesan psikologi yang ketara kepada pekerja-pekerjanya. Proses pemberhentian dibuat secara berperingkat-peringkat. Pada mulanya pihak syarikat bertindak memberhentikan pekerja-pekerja kontrak dan yang terakhir sekali adalah pekerja-pekerja tetap iaitu pada akhir Januari 1971.⁶⁹

Pihak syarikat EMMCO turut memberi pampasan kepada pekerja-pekerja yang diberhentikannya kerana tertakluk kepada undang-undang buruh. Walau bagaimanapun, pekerja-pekerja tidak berpuas hati terhadap pampasan yang dibayar oleh EMMCO yang dianggap terlalau rendah dan tidak berpatutan langsung. Ini dapat dilihat melalui jadual di bawah.

⁶⁹ Kenyataan Abdul Muluk bin Subuh, Padang Pulut Bukit Besi, Dungun, temuramah dirumahnya 1.3.2001

JADUAL 5.2

Kadar Bayaran Pampasan Mengikut Tahun Perkhidmatan

A. Bergaji Bulan	
i	5 tahun perkhidmatan - 2 bulan + 2 bulan gaji lagi
ii	4 tahun perkhidmatan - 4/5 daripada 4 bulan x gaji bulanan
iii	3 ½ tahun perkhidmatan - 3 ½ daripada 4 bulan x gaji bulanan
iv	3 tahun perkhidmatan - 3 4/5 daripada 4 bulan x gaji bulanan
B. Bergaji Hari	
i	5 tahun perkhidmatan - 112 hari gaji
ii	4 tahun perkhidmatan - 4/5 daripada 112 hari gaji
iii	3 tahun perkhidmatan - 3/5 daripada 112 hari lagi
C. Yang Berkhidmat Lebih Daripada 5 Tahun	
i	a) Bergaji bulan - 2 bulan gaji + 2 bulan gaji
ii	b) Bergaji Hari - Bayaran maksima RM 500.00
D. Ectnenment Benefit	
i	Bergaji bulan - 2 bulan gaji pada tahun pertama perkhidmatan ditambah 14 hari pada tarikh perkhidmatan berikutnya.
ii	Bergaji hari - 52 hari gaji bagi tahun pertama perkhidmatan dan tambahan 14 hari gaji pada tahun-tahun perkhidmatan yang berikutnya.

Sumber : Fail Kastam, Kemaman 1971

Seramai 488 orang pekerja yang terlibat di bawah skim kontrak juga menerima bayaran severance pay” sebanyak RM 500.00 bagi setiap seorang dan bonus di antara RM 149 – RM 390 Sesungguhnya pampasan yang dibayar ternyata amat rendah dan tidak berpatutan sama sekali. Pekerja-pekerja melahirkan rasa tidak puas hati mereka kepada pihak syarikat, tetapi tidak mendapat layanan Pihak Kerajaan juga turut campur tangan tetapi gagal. Pihak EMMCO tidak berupaya memenuhi tuntutan pekerja dan Kerajaan Negeri Terengganu. Pekerja mula gelisah akibat kesempitan hidup. Jumlah pampasan yang tidak seberapa menyulitkan lagi kehidupan mereka. Bagi penduduk tempatan yang bergantung sepenuhnya pada aktiviti lombong bijih besi di Bukit Besi, terpaksa mencari pekerjaan lain bagi meneruskan kehidupan harian mereka. Manakala pekerja yang berasal dari luar daerah Dungun telah menjual rumah dan tanah milik mereka dan kembali ke kampung halaman masing-masing.

KESAN PENUTUPAN

Lombong bijih besi merupakan satu penemuan yang cukup penting kepada negeri Terengganu khususnya daerah Dungun. Sejarah telah membuktikan sesuatu kawasan akan maju apabila ada sumber ekonomi ditemui. Dalam hal ini penemuan lombong bijih besi, wolfram dan timah telah banyak merubah wajah daerah Dungun. Perkembangan pesat perusahaan bijih besi telah merubah corak sosial ekonomi, sosial politik dan sosial fizikalnya. Bab ini akan meneroka dari segi kepentingannya kepada penduduk tempatan, kesan baik dan buruk serta penilaian dari sudut sejarah.

KEMUNCULAN BANDAR BARU BUKIT BESI

Bandar Bukit Besi muncul di tengah-tengah rimba hasil penemuan bijih besi. Tahun 1921 merupakan tahun bersejarah kepada penduduk tempatan kerana pada tahun tersebut, NMC telah memajukan kawasan Chemuah, Ulu Dungun sebagai kawasan yang aktif dengan kegiatan ekonomi.¹

Pembukaan lombong besi telah menarik ramai orang luar dari Dungun dan Kuala Terengganu untuk menetap di situ. NMC telah menyediakan berbagai-bagai kemudahan asas sebagai pra syarat kelahiran sebuah bandar. Dari sebuah kawasan yang miskin telah berubah menjadi kawasan yang elit menjelang 1937. Kampung-kampung baru di persekitarannya mula muncul seperti Padang Pulut, Pinang, Seladang dan banyak lagi. Kampung-kampung ini menjadi pemangkin kepada kepantasan kemajuan bandar Bukit Besi dan Dungun. Pembinaan jalan keretapi dari bandar Dungun turut membantu pembangunan di sepanjang laluannya. Hal ini turut

menentukan corak pola penempatan berjajar di kawasan ini. Oleh kerana keretapi merupakan satu-satunya jalan perhubungan, maka kebanyakan penempatan didirikan di sepanjang jalan keretapi yang bermula di Stesyen Nibong melalui Kg. Che Lijah, Padang Pulut hingga ke Bukit Besi.²

Pertambahan penduduk Bukit Besi begitu cepat sekali. Pada tahun 1934 dianggarkan penduduknya seramai 60002 orang. Keadaan ini membantu dari segi tenaga buruh dalam sektor perlombongan. NMC tidak lagi menghadapi tenaga kerja kerana penduduk tempatan merupakan tenaga buruh yang lebih murah berbanding dengan buruh luar yang dibawa masuk ke Bukit Besi. Selain daripada itu, penduduk tempatan juga bergiat cergas dalam sektor pertanian. Hasil-hasil pertanian mendapat pasaran yang baik dengan harga yang agak tinggi untuk keperluan penduduk Bukit Besi. Kedai-kedai makan dan perniagaan lain turut berkembang.³

Pekan Pasir Raja Dan Kuala Jengai

Pekan Pasir Raja dan Kuala Jengai tumbuh kesan dari penemuan wolfram di Bukit Lentor, Ulu Paka. Sebelum tahun 1910, kawasan tersebut tiada berpenghuni. Apabila sahaja wolfram dilombong, penduduk dari luar negeri mulai datang mendiaminya. Pada mulanya, mereka cuma datang untuk bekerja sebagai buruh lombong wolfram.

¹ Kamal Roslan Mohammad "Pandangan Cantik Geologi Menarik" Bil. 1, *Majalah Bumi*, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995, hlm.2.

² Kemajuan Malaysia 1969, *Utusan Melayu Press*, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 181.

³ Lim Chong Yah, *Economic Development of Modern Malaya*, hlm. 182.

Mereka kemudiannya tertarik dengan situasi persekitaran Kuala Jengai yang subur. Penerokaan kampung-kampung mula dilakukan. Pekerja-pekerja tersebut mula membawa ahli keluarga mereka bersama. Tanah-tanah mula diteroka dan ditanam dengan pokok buah-buahan dan tanaman dagangan seperti getah dan kelapa. Menurut sumber lisan, pada mulanya terdapat lapan keluarga sahaja yang memulakan penerokaan di kawasan ini. Menjelang tahun 1947 ia bertambah menjadi 31 keluarga.⁴

Bukit Lentor yang menjadi pangeluar wolfram yang aktif pada tahun 1910-1914 telah mula menjadi tumpuan penduduk luar terutama dari Kelantan. Harga yang tinggi serta permintaan yang menggalakkan dari negara-negara Barat telah menyebabkan pengeluarannya dipertingkatkan. Bukit Lentor tetap unggul sebagai pengeluar wolfram sehingga kehadiran Jepun ke Tanah Melayu.⁵

Lombong wolfram di Bukit Lentor sangat aktif. Ia diusahakan oleh Dungun River (Terengganu) Development Syndicate Ltd. pada tahun 1911. Pengeluaran wolfram telah memberi hasil yang lumayan kepada negeri Terengganu. Harganya mahal sehingga mencecah \$86.00 sepikul pada tahun 1915. Pengeluarannya terus meningkat dan sekaligus menambah hasil pendapatan negeri. Ekoran dari itu, kawasan Pasir Raja menjadi tumpuan orang-orang luar. Walau bagaimanapun, pada tahun 1925 harga wolfram mulai merosot turun pada tahap \$12.00 sepikul. Fenomena ini menyebabkan pengeluarannya terpaksa dikurangkan.⁶ Sehubungan dengan itu, pekerja-pekerja mula

⁴ Kenyataan Encik Awang bin Ghani Kg. Kuala Jengai, temuramah di rumahnya pada 8.2.2001

⁵ *Pembangunan semula kawasan Hulu Dungun, UPEN, Pejabat Setiusaha Kerajaan Negeri Terengganu 1974.*

⁶ Abdul Rahman Mamat, *Analisa Perindustrian Tangan di Negeri Terengganu*, (Tesis) Jabatan Ekonomi Universiti Kebangsaan, Kuala Lumpur, 1974 hlm. 8

diberhentikan. Sebahagiannya mula meninggalkan Kuala Jengai. Hanya mereka yang membuka perkampungan sahaja yang terus tinggal di situ. Selepas tahun 1045, kegiatan perlombongan tidak lagi diusahakan di Bukit Lendor. Adalah dipercayai seluas 160,000 hingga 200,000 ekar kawasan yang terlibat dengan perlombongan wolfram namun cuma 850 ekar sahaja yang diusahakan, selebihnya tidak diusahakan sehingga sekarang. Penutupan lombong wolfram menyebabkan kawasan Bukit Lendor menjadi kawasan yang terbiar. Hanya Kuala Jengai dan Pasir Raja sahaja diakui sebagai kampung-kampung tradisi di pendalamam.⁷

Struktur Penduduk

Ditinjau dari sudut ekonomi, penghasilan wolfram di Bukit Lendor pada tahun 1918 berjumlah \$832,288.00 dengan jumlah berat 10,366 pikul, manakala penghasilan paling rendah ialah pada tahun 1921 sebanyak 180 pikul dengan nilai \$3,600.00. Sila Rujuk jadual sebelumnya bagi mendapatkan perbandingan pengeluaran wolfram ber Mula dari tahun 1912 hingga 1925.

⁷ ARPTG Tr. Tahun 1948,hlm 13



Gambar 6.0: Gambar menunjukkan papan tanda yang menceritakan sejarah Kampung Pasir Raja.



Gambar 6.1 : Papan tanda yang menceritakan sejarah asal usul Kampung Pasir Raja yang diperbesarkan

Komposisi Penduduk Kesan Perlombongan

Pendudukan dan peratusan pekerja yang terdapat di Bukit Besi dan Bukit Lenton boleh dilihat berdasarkan perincian pada tahun 1937. Pada tahun tersebut, 11% penduduk Terengganu terlibat dalam perusahaan perlombongan. Di kawasan Dungun sahaja terdapat hampir 30,000 orang penduduk yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Selain dari pelombongan, penduduk di daerah tersebut juga terlibat dalam sektor perkhidmatan. Sebelum perlombongan bermula penduduk Terengganu hampir 100% memberi tumpuan dalam bidang pertanian dan perikanan. Keadaan ini turut merubah struktur penduduk Terengganu yang 99% terdiri daripada orang Melayu.⁸

Dengan adanya perlombongan, maka wujudlah berbagai-bagai kaum terutama kehadiran orang Cina dan India sebagaimana di Pantai Barat, cuma berbeza dari segi jumlahnya sahaja. Sejarah perlombongan di Terengganu berbeza dengan Pantai Barat. Orang Melayu di Terengganu agak aktif penglibatannya dalam perlombongan. Keadaan ini menghalang kemasukan orang Cina dan India dengan jumlah yang besar ke daerah Dungun. Oleh kerana orang tempatan mampu menyediakan bekalan tenaga buruh, jadi NMC dan EMMCO menghadkan kemasukan pekerja luar kecuali tenaga-tenaga mahir sahaja.

Pada tahun 1931 terdapat 2,495 orang Cina dan 1,020 orang India di daerah Dungun. Mereka datang sebagai buruh mahir. Apabila lombong bijih besi ditutup, sebahagian besar daripada mereka telah meninggalkan Bukit Besi. Cuma sebahagian kecil sahaja menetap di bandar Dungun untuk memulakan kehidupan baru. Bandar

⁸ Majalah Teras, Jabatan Penerangan Negeri Terengganu, Kuala Terengganu, 1967, hlm. 28.

Bukit Besi yang suatu masa dahulu hidup sepanjang malam menjadi mati apabila lombong bijih besi ditutup.⁹

Kepentingan Ekonomi

Negeri Terengganu banyak bergantung kepada hasil bijih besi sebagai sumber ekonominya. Apabila bijih besi dihentikan pengeluarannya, Kerajaan Negeri mulai gelisah kerana ketiadaan sumber pendapatan untuk mengurus pentadbiran. Sumber pertanian amat sedikit sumbangannya kepada pendapatan Kerajaan Negeri Terengganu. Kerajaan Negeri terpaksa berjimat cermat, banyak projek pembangunan tidak dapat dijalankan. Pada tahun 1970an, negeri Terengganu menjadi negeri yang termiskin di Malaysia.¹⁰

Bagi mengatasi kekurangan pendapatan, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah dengan bantuan Kerajaan Pusat seperti membuka tanah-tanah baru untuk dijadikan ladang-ladang kelapa sawit dan getah. Selain dari itu, pada tahun 1970an Terengganu agak bertuah menemui telaga minyak di perairan pantai Terengganu. Sumber baru itu tidak segera memberi hasil kepada Terengganu. Dalam tempoh hampir 10 tahun, Terengganu cukup menderita tanpa hasil yang mencukupi untuk perbelanjaan mengurus negeri.

Bijih besi sebagaimana yang sedia maklum telah menjadi nadi utama kepada ekonomi negeri Terengganu. Hasil bijih besi mampu membantu negeri Terengganu selama 35 tahun untuk terus membangun dan membiayai pentadbirannya. Hasil cukai yang di perolehi terutama pada tahun 1950an dan awal 1960an memberi kedudukan

⁹ i) real 78 ii) real 79, *Terengganu estimate for 1931. Co 717/78,*

¹⁰ Chamchuri Siwar, Redzuan Othman dan Nik Hashim Nik Mustapha. *Ekonomi Malaysia Asas*, Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, 1994, hlm. 5-6.

yang selesa kepada Kerajaan Negeri. Kepentingan hasil bijih besi tidak boleh di pertingkaikan. Hal ini dapat kita lihat apabila lombong bijih besi ditutup, Terengganu hilang tempat pergantungan¹¹ Lombong bijih besi cukup bermakna kepada sejarah ekonomi Negeri Darul Iman ini. Kepentingan ini amat jelas seperti yang telah disuarakan oleh Tan Sri Ibrahim Fikri tentang kegusarannya apabila Bukit Besi menunjukkan tanda-tanda akan berakhir operasinya. Bekas Menteri Besar itu gelisah kerana Terengganu terpaksa berhutang dengan Kerajaan Pusat dalam jumlah yang besar untuk membiayai pentadbirannya¹²

“Saya telah memikirkan betapa pentingnya kita merancang dari awal-awal lagi tentang nasib rakyat negeri ini. Kita tidak mahu apabila Bukit Besi ditutup, rakyat kita kebuluran. Maka itu Kerajaan Negeri telah secara berani membuat pinjaman besar dari negeri luar untuk dilaburkan dalam sektor perladangan bagi penanaman kelapa sawit dan getah di seluruh Negeri Terengganu”.

Kenyataan Menteri Besar itu jelas membuktikan Bukit Besi sangat bermakna kepada Negeri Terengganu. Menurut L A. Mills,

“Cukai eksport yang utama bagi negeri Terengganu ialah seperti getah, bijih timah, hasil-hasil pertanian, ikan kering dan ternakan. Bagaimanapun hasil yang terbesar adalah berpunca dari cukai eksport bijih besi”¹³

Merujuk kepada jadual pengeluaran pada tahun 1950-1971, jelas kita dapat lihat pergantungan Terengganu pada hasil besi. Dari tahun 1960 hingga 1965, Terengganu berjaya mengutip sebanyak \$15 juta setahun dari cukai pengeluaran

¹¹ *Penyata Kewangan Negeri Terengganu 1967*, hlm. 23.

¹² Tan Sri Ibrahim Fikri “Kata-kata luan dari Bekas Menteri Besar Terengganu” dalam Patricia Sim Ced., Cenderamata Pembukaan Kilang Kelapa Sawit Kemaman pada 4.10.1970, Terengganu Development and Management Berhad, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 23.

¹³ L.A. Mills, *British Rule in Eastern Asia*, 1961, hlm. 106.

bijih besi yang dikenakan pada kadar \$4.00 hingga \$5.00 satu tan. Jumlah ini belum lagi dicampur dengan cukai konsesi, cukai sewaan tapak-tapak loji pelabuhan perkhidmatan dan lain-lain lagi. Dianggarkan jumlah pendapatan negeri Terengganu dari hasil bijih besi dan hasil-hasil berkaitan dengannya berlebih \$20 juta setahun. Jumlah ini melebihi perbelanjaan negeri pada masa itu. Sila rujuk jadual di sebelah

JADUAL 6.1
Hasil Cukai Pengeluaran Bijih Besi Di Bukit Besi 1960-1965

TAHUN	NILAI (RM)
1960	13,030,244
1961	14,942,629
1962	15,201,211
1963	14,832,462
1964	11,201,236
1965	6,838,241

Sumber : *Laporan Custom Department : Annual Report 968*, dlm Fail BAT No. 261/ 1968, ANM Kuala Lumpur

RANCANGAN PENGGANTIAN SUMBER BIJIH BESI

Terengganu telah mencari alternatif baru sebagai sumber pendapatannya. Tan Sri Ibrahim Fikri, Menteri Besar ketika itu telah merancang untuk memajukan sektor Pertanian. Dalam mesyuarat Ahli Majlis Kerajaan Negeri, beliau mencadangkan agar Terengganu membuka kawasan hutan untuk dijadikan ladang-ladang getah dankelapa sawit¹⁴

Justeru itu, satu unit penyelidikan telah diwujudkan untuk mengkaji kesesuaian tanah bagi tujuan penanaman kedua-dua jenis tanaman tersebut. Hasil dari

¹⁴ Fail EMMCO, Sura Kompleks Dungun, Terengganu, 1970, hlm. 10.

penyelidikan di dapati 3.2 juta ekar tanah di Terengganu tidak sesuai untuk kelapa sawit dan getah. Semasa mesyuarat kali kedua, ada di antara Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tidak bersetuju dengan hasrat Tan Sri Ibrahim Fikri. Namun beliau bertegas dengan pendiriannya¹⁵

Ketegasan beliau membelakangkan semua laporan dan kajian pejabat tanah dan galian serta pejabat pertanian negeri Terengganu tidak sia-sia. Beliau mahu mengusahakan penanaman kelapa sawit dengan getah dengan apa cara sekalipun. Negeri Terengganu agak beruntung mempunyai seorang Menteri Besar yang berpandangan jauh dan berani. Tan Sri Ibrahim Fikri telah mengarahkan SEDC membuka lebih 20 ribu ekar di seluruh negeri Terengganu terutamanya di Kemaman, Dungun, Hulu Terengganu dan Setiu. Banyak ladang-ladang besar dibuka. Purata keluasan di sesuatu ladang melebihi 1,000 ekar. Tanah-tanah yang dibuka ditanam dengan kelapa sawit dan getah. Kedua-dua tanaman ini sangat sesuai di kawasan tanah bukit. Keadaan saliran semulajadi yang baik menyebabkan ia dapat hidup subur serta dapat mengeluarkan hasil yang tinggi. Walaupun pada awalnya mendapat bantahan tetapi akhirnya terbukti sangat berjaya¹⁶

Adalah dianggarkan hasil pembukaan ladang-ladang ini telah berupaya menyediakan hampir 4000 peluang pekerjaan kepada rakyat negeri Terengganu. Ladang awal yang dibuka oleh SEDC di Sungai Tong melibatkan lebih dari 3,682 ekar, ianya ditanam dengan getah dan kelapa sawit secara berperingkat-peringkat.

Menjelang tahun 1975, hasil kelapa sawit dan getah telah menjadi penyumbang utama kepada pendapatan negeri Terengganu sebanyak 52%, diikuti

¹⁵ Laporan Mesyuarat Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu, pada 3.7.1970, hlm. 7.

¹⁶ *Kertas kerja Ahli Jawatan Kuasa unit Perancang Ekonomi Negeri kepada Y.A.B Tan Sri Ibrahim Fikri Menteri Besar Terengganu 1970.*

pembalakan 30%, perikanan 10% dan lain-lain kegiatan ekonomi 10%. Sebahagian besar bekas-bekas pekerja lombong diambil bekerja dalam sektor perladangan mengikut kemahiran masing-masing.

Pendidikan

Kemajuan ekonomi di kawasan Dungun akibat perlombongan telah melahirkan golongan yang berpendapatan tinggi berbanding dengan penduduk di kawasan-kawasan lain di Terengganu. Masyarakat di sini agak terbuka akibat pertembungan budaya luar yang dibawa oleh orang Eropah, Jepun, Cina dan India. Kemajuan bangsa Eropah khususnya amat mengagumkan mereka. Oleh itu timbul kesedaran di kalangan mereka untuk menjadikan anak-anak mereka orang yang berilmu.¹⁷ Penduduk di -Dungun sangat mementingkan pendidikan. Mereka menghantar anak-anak mereka ke sekolah bagi mendapatkan pelajaran semaksima mungkin. Akibat desakan kepada pendidikan yang tinggi, maka sekolah-sekolah mula dibina mengikut keperluan masyarakat. Selain sekolah aliran Melayu, sekolah aliran Inggeris juga turut dibina. Bagi yang mempunyai kelebihan dari segi pendapatan, mereka menghantar anak-anak mereka ke Kuala Terengganu untuk memasuki sekolah Inggeris yang temama seperti Sekolah Sultan Sulaiman. Sekolah tersebut adalah dari aliran Inggeris yang dikira tinggi kedudukannya pada masa itu. Hasil dari kesedaran ini, ramai anak-anak penduduk daerah Dungun telah berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti samada dalam dan luar negeri. Sebahagian daripada mereka telah menjawat jawatan penting di peringkat negeri dan pusat seperti Syed Omar pemah menjadi Pegawai Tadbir Negeri sebelum menjadi Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Haji Awang Jabar dan ramai lagi. Penduduk Dungun juga berjaya melahirkan tenaga

¹⁷ *Sejarah Perkembangan sekolah sekolah Negeri Terengganu*, disusun oleh Jawatankuasa penulis, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia Kuala Lumpur, 1975, hlm. 24.

profesional seperti jurutera, akauntan, doktor dan sebagainya. Antara yang berjaya ialah Allahyarham Tan Sri Yahya Ahmad, Pengurus DRB Hicom dan Dato' Salleh Sulong. Mereka ini adalah anak jati kelahiran Dungun.

Di kawasan Dungun kita dapat terdapat banyak sekolah dan begitu juga dengan kawasan Kemaman kerana kedua-dua kawasan ini digabungkan kepada satu pentadbiran. Oleh itu, kebanyakan rekod-rekod yang berkaitan dengan sekolah, guru-guru dan kurikulum dicatatkan atas nama daerah Kemaman seperti jadual di bawah.¹⁸

¹⁸ Jawatankuasa, *Penulisan Pelajaran Malaysia*, Kuala Lumpur Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 71-75.

JADUAL 6.2

Penubuhan Sekolah-Sekolah Vernakular Melayu Di Kemaman Sebelum Tahun 1950.

1. Sekolah Melayu Chukai, Kemaman	-	1916
2. Sekolah Melayu Kemasik,	-	1919
3. Sekolah Melayu Kerteh	-	1922
4. Sekolah Melayu Kijal	-	1926
5. Sekolah Melayu Kemaman	-	1929
6. Sekolah Melayu Pasir Gajah	-	1937
7. Sekolah Melayu Pasir Binjai	-	1938
8. Sekolah Menengah Bukit Pahang	-	1948
9. Sekolah Melayu Telok Mengkuang	-	1950

SEKOLAH-SEKOLAH DI DUNGUN

1. Sekolah Melayu Nibong
2. Sekolah Melayu Padang Pulut
3. Sekolah-sekolah Melayu Dungun
4. Sekolah Melayu Bukit Besi
5. Sekolah Sultan Omar
6. Sekolah Intan Zaharah

Sumber : *Fail SUK. Tr. Penubuhan Sekolah-Sekolah di Terengganu 192 / 1952, ANM, Kuala Lumpur.*

Semasa pendudukan Jepun, sekolah ini telah dipaksa mempelajari bahasa Jepun dan sukanan pelajaran juga mengikut kehendak pemerintahan tentera Jepun.¹⁹ Setelah Inggeris kembali ke Tanah Melayu, sistem pendidikan di Tanah Melayu mula disusun kembali. Pada kali ini sekolah aliran Inggeris diwujudkan. Di daerah Dungun sekolah Intan Zaharah merupakan sekolah beraliran Inggeris yang terkenal. Guru-guru dilantik mengikut keperluan dan sukanan mata pelajaran yang telah ditetapkan. Kebanyakan guru-guru telah menerima latihan di maktab-maktab perguruan. Sebagaimana pada hari ini sekolah-sekolah bantuan dibekalkan dengan buku-buku teks. Bagitu juga pada tahun 1930an sebahagian besar sekolah-sekolah di daerah Dungun dan Kemaman turut menerima bantuan buku bacaan seperti Ilmu Hisab, Sejarah (Tawarikh Melayu) Nuracha, Julong Bacaan, Bahasa Inggeris dan lain-lain lagi.²⁰

Kepentingan Sosial

Penemuan lombong bijih besi banyak memberi nilai sosial kepada masyarakat setempat. Dilihat dari aspek positif, didapati pemikiran orang-orang Dungun agak ke depan berbanding penduduk di daerah lain. Oleh kerana ia didatangi oleh berbagai bangsa di seluruh pelusuk dunia, maka banyak nilai-nilai luar telah mempengaruhi masyarakat setempat. Orang tempatan Dungun agak berdaya saing. Mereka telah mempelajari kegigihan orang Cina, Jepun dan Inggeris dalam memajukan diri. Masyarakat Dungun lebih terbuka dari segi pemikiran.²⁰

¹⁹ Jawatankuasa , Penulisan Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur Dewan Bahasa & Pustaka. Kuala Lumpur, 1975, hlm. 71-75

²⁰ Kenyataan En. Abdul Rashid Abdullah. Temuramah di rumahnya di Kg. Nibong Kuala Terengganu pada 26.2.2001.

²⁰ Sejarah Perkembangan sekolah-sekolah Negeri Terengganu, disusun oleh Jawatankuasa Penulis Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia Kuala Lumpur, 1975, hlm. 24.

Pada awal tahun 1950an dan 1960an kita dapat orang Dungun banyak mencebur i bidang perniagaan dan perkhidmatan. Gaya hidup juga turut berubah. Masyarakatnya kelihatan lebih elit dan mewah. Gaya berpakaian dan kekemasan jelas kelihatan hebat. Budaya barat terutama orang-orang Inggeris menjadi ikutan terutama bagi pegawai-pegawai TCS dan pegawai-pegawai lain yang pernah mendapat pendidikan Inggeris. Mereka turut menubuhkan kelab-kelab bagi golongan mereka. Dari segi pertuturan, ramai penduduk di daerah Dungun boleh berbahasa Inggeris. Mereka juga turut bersama-sama pegawai EMMCO dalam majlis keramaian terutamanya jamuan dan majlis kenamaan. Golongan atasan Melayu turut mengikuti cara hidup orang Inggeris. Sebahagian golongan atasan Melayu turut sama bermain golf sebagai lambang kemewahan mereka.²¹

Bagi golongan bawahan, mereka tidak banyak berubah dari segi sosial budayanya. Namun sedikit sebanyak dari segi bahasa terdapat penyerapan bahasa Inggeris dalam pentuturan harian. Keadaan ini terjadi kerana mereka sering terdedah pada percakapan bahasa Inggeris dan pekerja-pekerja dari luar yang bertutur dalam bahasa Inggeris.²²

Kepentingan bijih besi sebagai pendapatan utama negeri Terengganu tidak dapat dinafikan sama sekali. Secara perbandingan hasil-hasil lain seperti perikanan dan pertanian amat kecil sekali. Malahan untuk memungut cukai darinya amat sukar dan memerlukan ramai tenaga.²³ Keadaan ini terjadi kerana petani dan nelayan tidak mempunyai satu bentuk pemasaran yang bersistem. Hasil yang dikeluarkan sukar untuk ditaksirkan. Keadaan disulitkan lagi dengan struktur kependudukan yang

²¹ Temuramah dengan Dato' Syed Omar di rumahnya pada 1.2.2001.

²² Temuramah dengan Dato' Bakar bin Daud di rumahnya pada 15.1.2001.

²³ Mohd Taib Abdul Rahman *op cit*, hlm. 33.

berselerak menyebabkan setengah-setengah penduduk terputus hubungan dengan pentadbiran negeri disebabkan kekurangan kemudahan perhubungan. Hal ini menghalang hubungan rakyat dengan jabatan kerajaan yang pasti menyulitkan kerajaan untuk mendapat data-data kegiatan ekonomi mereka.²⁴ Kepentingan bijih besi bukan sahaja diperolehi dari sudut cukai besi sahaja tetapi juga cukai yang berkaitan. Namun begitu cukai yang paling memberi sumbangan kepada negeri Terengganu selain cukai bijih besi ialah cukai tanah.

Implikasi dari sudut sosial, kita dapat berlaku peningkatan taraf hidup penduduk negeri Terengganu terutama di kawasan Dungun. Masyarakat Dungun lebih awal mengenali barang import yang bermutu seperti pakaian dan makanan. Oleh kerana Dungun menjadi pintu masuk kepada orang luar samada melalui laut atau darat, maka banyak barang dibawa masuk bersama-sama mereka.²⁵

Sebagaimana yang dinyatakan dalam bab-bab terdahulu, Dungun telah bertukar wajah dari sebuah kampung nelayan yang mundur kepada bandar yang amat sibuk. Dungun pada tahun 1963 dikatakan jauh lebih maju dari Kuala Terengganu. Penduduknya mencapai seramai 30,000 orang pada satu ketika. Pertambahan pesat sebegini disebabkan peluang ekonomi yang amat menarik. Kuasa beli penduduk Dungun amat tinggi. Hal ini terjadi kerana gaji pekerja-pekerja lombong sangat lumayan. Mereka menggunakan pendapatan mereka untuk mendapat makanan dan pakaian serta keperluan lain. Keadaan ini menyebabkan permintaan melambung yang mendorong kenaikan harga barang. Peniaga-peniaga mula berusaha menambah bekalan bagi memaksimakan keuntungan.²⁶ Sektor perniagaan lain juga turut tumbuh.

²⁴ Mohd Abu Bakar "Pondok dan Politik di Terengganu PURBA, PMM,Bill, hlm. 109 Kuala Lumpur 1969, hlm. 284.

²⁵ Lim Chong Yah, Economic Development of Modern, Malaya, hlm. 48.

²⁶ Norisa Ibrahim *op.cit*; hlm. 8.

Industri perhotelan mulai wujud. Pada tahun 1964, terdapat sekurang-kurangnya 4 buah hotel yang agak baik pada masa itu. Oleh kerana Dungun seringkali menjadi tumpuan orang luar terutama peniaga dan pagawai-pegawai EMMCO, maka sudah tentu hotel menjadi pilihan terbaik untuk mereka menginap. Pada masa yang sama, rumah-rumah tumpangan dan rumah-rumah sewa tumbuh bagai cendawan di musim hujan.²⁷

Menurut kenyataan Encik Mustaffa Maidin, Bukit Besi dan bandar Dungun sangat sibuk. Kedai-kedai makan dan bar-bar beroperasi sampai pagi. Tempat-tempat tersebut sentiasa dikunjungi oleh pelanggan dari berbagai-bagai bangsa. Oleh kerana Iombong beroperasi 24 jam sehari, sudah tentu keperluan hiburan dan kedai makan menjadi tuntutan mereka²⁸

Sesetengah bar dan pusat hiburan menyediakan pelayan-pelayan wanita yang menawarkan khidmat seks (pelacuran). Oleh kerana Dungun didiami berbagai-bagai bangsa, kegiatan pelacuran turut melibatkan berbagai bangsa, antara yang paling ramai ialah Cina, Melayu, Siam, India dan Inggeris. Pendek kata Dungun memiliki hampir apa sahaja seperti bandar-bandar perlombongan lain di dunia.

Selain dari segi sosial, kita dapat kewujudan perlombongan bijih besi turut memberi rahmat berguna kepada masyarakat setempat. Jika dahulu masyarakat Dungun dianggap tertutup tetapi apabila berlaku pertembungan budaya, corak berfikir mereka agak ke hadapan²⁹. Perubahan yang amat ketara terjadi dalam soal-soal

²⁷ Kenyataan en. Mustaffa bin Maiddin, sura gate, Temuramah di rumahnya pada 11.10.1997.

²⁸ Kenyataan En. Bustaman bin arif, kg. Gong Pasir Dungun, temuramah di rumahnya pada 21.2.2001.

²⁹ Hanapi dolah Ekonomi-Politik Terengganu Pra Kolonial satu Analisis mencari Feudalismenya 'PURBA' 4 1985, hlm. 59.

³⁰ "Laporan Kemajuan Pelajaran Negeri" Terengganu, bil. 10/1621 bertarikh 26.4.1971, ARPTGTr. 26/246.

budaya dan pendidikan. Pada awal sebelum pembukaan lombong besi, masyarakat Dungun sangat anti kepada Inggeris, mereka benci pada budaya luar. Pada mereka jika bekerja dengan Inggeris dianggap sebagai satu penghinaan. Anak-anak mereka dilarang bersekolah Inggeris. Jika ada yang menghantar anak-anak ke sekolah Inggeris dikira masuk kafir. Pada tahun 1960an mereka mula sedar kepentingan mempelajari bahasa Inggeris. Oleh itu, mereka berebut-rebut menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris. Kebanyakan yang mendapat pendidikan Inggeris mudah mendapat pekerjaan dalam perkhidmatan kerajaan dan sektor perlombongan sebagai pagawai atau junuteknik dengan gaji yang agak lumayan.³⁰

Akibat kesedaran ini kerajaan telah menambah sekolah-sekolah di kawasan Dungun dan kawasan sekitarnya. Mereka juga mendesak kerajaan menyediakan kemudahan asas yang lebih baik untuk anak-anak mereka. Walaupun perlombongan di Bukit Besi diusahakan oleh syarikat EMMCO, milik orang luar, tetapi mereka banyak memberi sumbangan kebajikan kepada masyarakat negeri Terengganu. Syarikat tersebut seringkali menggunakan peruntukan kewangan terutama hasil keuntungan daripada hasil perlombongannya kepada masyarakat setempat. Pada tahun 1967, apabila Terengganu dilanda banjir besar, syarikat EMMCO telah menyumbang lebih daripada RM5,000 kepada Kerajaan Negeri untuk membantu mangsa banjir. EMMCO juga menghulurkan bantuan makanan kepada penduduk setempat pada musim tragedi berlaku.³¹

Tan Sri Ibrahim percaya Terengganu boleh berjaya dalam sektor pertanian jika diusahakan secara bersungguh-sungguh. Keyakinan beliau berdasarkan kewujudan ladang-ladang pertanian yang terdahulu pernah diusahakan oleh orang-orang

³⁰*Majalah Teras* Jabatan Penerangan Terengganu 1967, hlm. 18.

perseorangan dan syarikat-syarikat Cina pada sekitar tahun 1920an. Pada tahun 1915 telah terdapat tanaman getah dan kelapa diusahakan secara meluas terutama di Kemaman dan Dungun. Adalah dipercayai jika masalah pengangkutan dan saliran dapat dibaiki, Terengganu pasti berjaya dalam sektor pertanian.³²

Syarikat EMMCO juga telah memperuntukkan bantuan membaiki tempat-tempat awam masyarakat daerah Dungun. Malah beberapa buah masjid turut dibiayai. EMMCO memberi derma yang agak besar kepada Sekolah Menengah Tengku Intan Zaharah, Dungun. Syarikat tersebut juga menyediakan biasiswa kepada anak-anak pekerja melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi terutama dalam bidang kejuruteraan di Universiti England pada tahun 1963.³³

³² "Pemberitahuan Kerajaan, Bil 5/2602 bertarikh 7/5/2602, *Suk. Tr. 52/1361.7/2602.*

³³ "Pemberitahuan Kerajaan", Bil 47/2602, bertarikh 28/12/2602.

JADUAL 6.3

Ladang-ladang Pertanian di Terengganu Pada Tahun 1915

NO	NAMA LADANG	PEMILIK	LUAS / EKAR	TANAMAN
1	Kerteh Plantation Kemaman	East Asiatic Copenhagen	3 427	Kelapa, getah
2	Paka Coconut Estate Dungun	Paka Coconut Estate, Bangkok	531	Kelapa
3	Bukit Tengah Estate Kemaman	Bukit Tengah Estate, Kemaman	1 460	Kelapa
4	Sungai Telemong Estate, Hulu Terengganu	Chu Woon Poh and Others, Singapore	250	Getah
5	Sungai Pinang Estate, Kemaman	Goh Tek Ean, Kemaman	500	Getah
6	Japan Estate Kemasik, Kemaman	T. Kondo Tokyo, Japan	300	Kelapa

Sumber: Laporan Federal Forest Admistration, Federation of Malaya, 1950

ANM Kuala Lumpur.

Jadual 6.3 menunjukkan Terengganu juga cuba mempelbagaikan hasil pendapatan negerinya. Namun apa yang kita dapati, hasil dalam sektor pertanian amat kecil. Pada tahun 1915, cuma terdapat enam buah ladang utama di kawasan Dungun dan Kemaman. Kebanyakan keluasan ladang-ladangnya sangat kecil kecuali Kerteh Plantation dengan keluasan 3427 ekar yang ditanami dengan kelapa dan getah. Bukit Tengah Estate Kemaman seluas 1460 ekar ditanam dengan kelapa. Bagi Ladang Paka

Coconut Estate Dungun seluas 531 ekar ditanam dengan kelapa manakala ladang lainnya kurang daripada 500 ekar yang kebanyakannya ditanam dengan getah. Hampir kesemua ladang-ladang yang melebihi 100 ekar adalah milik orang asing. Kerajaan Negeri hanya memperolehi hasil melalui cukai tanah dan cukai eksport sahaja. Jumlah pendapatan dari hasil cukai ini sangat kecil berbanding pendapatan cukai daripada hasil perlombongan besi di Dungun.

KESAN NEGATIF AKIBAT PERLOMBONGAN DI DUNGUN

Umum mengetahui kawasan Hulu Dungun terkenal dengan aktiviti perlombongan. Pembukaan lombong wolfram di Bukit Lentor menyebabkan pembukaan pekan Pasir Raja dan Kuala Jengai. Manakala perlombongan besi membawa kepada wujudnya bandar Bukit Besi. Kedua-dua lombong ini turut membantu pembesaran bandar Dungun. Namun sesuatu yang tidak boleh dilupakan ialah setiap pembangunan itu pasti ada kesan sampingannya. Untuk memulakan perlombongan terlebih dahulu perlu kepada penerokaan awal kepada kawasan tersebut. Keperluan asas mesti dilaksanakan. Hal ini memaksa syarikat-syarikat tersebut menebang dan menimbus kawasan tersebut. Akibat kerancakan pembangunan, banyak hutan-hutan ditebang dan bukit-bukit diteres. Apabila operasi perlombongan mula dijalankan, kita dapati bukit-bukit banyak diruntuhkan. Ini kerana kebanyakan bijih besi berada di bawah lapisan batuan keras di tengah-tengah bukit dan dasarnya.³⁴

Di kawasan Bukit Besi, kandungan besi boleh didapati secara berpadu dengan batuan granit dan batuan mendat. Kebiasaan sehingga 10 hingga 20 kaki dari dasar

³⁴Berita Harian, Zakaria Maz, Bencana Banjir Terengganu 1968, hlm. 11.

bukit. Bagi mendapatkan kandungan besi, bukit-bukit berbatu mestilah diletupkan terlebih dahulu. Kegiatan sedemikian sudah tentu merosakkan pandangan darat semulajadinya.

Akibat perlombongan yang sangat aktif, hutan di kawasan Bukit Besi dan Bukit Lentor mulai gondol. Bukit-bukit yang selama ini tinggi menjadi tasik. Pada tahun 1963, telah berlaku satu tragedi besar di kawasan ini dan negeri Terengganu amnya. Hujan yang turun dengan lebatnya pada musim tengkujuh tidak dapat dihalang oleh tumbuhan yang menjadi halangan semulajadi dari masuk ke sungai. Tanah runtuh berlaku secara besar-besaran. Air hujan bersama tanah mengalir masuk ke sungai-sungai di Hulu Dungun. Air melimpah ke tebing menyebabkan banjir besar berlaku. Hal yang sama juga turut berlaku pada tahun 1969 hingga bah besar yang terjadi di kenali sebagai "Bah Air Merah". Pada kedua-dua tahun tersebut, kehidupan penduduk tempatan musnah termasuklah tanaman padi dan binatang ternakan. Masyarakat nelayan adalah golongan yang sangat menderita kerana mereka tidak boleh ke laut dalam jangka waktu yang agak panjang. Bagi mengatasi kesulitan penduduk, kerajaan memberi bantuan makanan pakaian dan kewangan kepada petani dan nelayan untuk memulakan kehidupan baru seperti bantuan pukat dan sampan bagi nelayan manakala bagi petani pula, bantuan benih dan baja dihulurkan.³⁵

Dari sudut sosial yang lain, tidak kurang banyaknya keburukan kepada masyarakat tempatan terutamanya dari aspek akhlak. Kewujudan pusat-pusat hiburan seperti pawagam, kedai-kedai pelayan, bar-bar dan seumpamanya telah memperlihatkan satu gambaran yang tidak sihat pada bandar Dungun. Bagi orang

³⁵ Teks Ucapan Tan Sri Ibrahim Fikri - Hari Perasmian Pembukaan Kilang Kelapa Sawit di Kemaman pada 4.10.1970.

luar, Dungun merupakan sarang maksiat. Apa yang jelas masalah penagihan arak amat nyata sekali. Rekod polis mengenai kes jenayah di Terengganu pada tahun 60an, Dungun dianggap kawasan yang bahaya terutama di kawasan Sura Gate. Belia-belia tempatan terlibat secara langsung dalam perjudian dan pelacuran. Penyakit-penyakit kelamin turut meningkat di daerah Dungun terutamanya kepada kaum lelaki³⁶. Kemewahan hidup penduduknya turut menjadi penyumbang kepada perlakuan maksiat. Masyarakat mula menjadi materialistik dan nilai-nilai agama mulai rapuh. Perubahan gaya hidup secara drastik ini membawa kepada kemusnahan institusi kekeluargaan. Kadar perceraian meningkat akibat sikap sumbang suami yang suka berpoya-poya. Budaya asing yang negatif menular ke dalam masyarakat tempatan³⁷.

Dari kajian yang dibuat, kebanyakan kes-kes sosial bermula dari aktiviti orang luar yang kemudiannya menular kepada masyarakat tempatan. Kaum wanita terutama anak gadis menjadi mangsa kerana mahu mengejar kemewahan hidup. Pada dasamya, masyarakat tempatan tidak banyak mengalami peningkatan pendapatan. Mereka masih kekal di takuk lama. Orang luar yang sebenarnya menikmati kemewahan. Oleh kerana tertarik kepada gaya mewah orang luar, maka ramai gadis tempatan mengambil jalan mudah menawarkan khidmat seks. Bagi penduduk Dungun yang tidak diberi peluang bekerja di lombong dan bermiaga, kehidupan mereka kekal susah. Kewujudan golongan mewah menyebabkan harga barang keperluan meningkat. Suasana ini turut dirasai oleh golongan miskin. Mereka terpaksa membeli barang dengan harga yang tinggi.

³⁶ Laporan Hospital Daerah Dungun, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kuala Lumpur Oktober 1969, hlm. 6.

³⁷ Masalah sosial di daerah Dungun *Utusan Malaysia*, 22.6.1969, hlm. 11.

Setiap yang positif pasti ada negatifnya. Kewujudan lombong besi di Bukit Besi tetap memainkan peranan penting kepada negeri Terengganu. Hasil Bukit Besi telah berjaya mewarnai struktur ekonomi, sosial serta politik negeri Terengganu. Bijih besi dan wolfram pernah menjadi nadi kehidupan rakyat Dungun dan Kerajaan Negeri Terengganu pada suatu ketika dahulu. Melalui hasil tersebut, negeri Terengganu berjaya menyediakan berbagai-bagai kemudahan serta membayai kos pentadbiran Kerajaan Negeri. Sebagai kos melepas kepada pembangunan, sudah pasti Terengganu tidak dapat lari dari permasalahan sampingan yang timbul. Dalam konteks ini, negeri Terengganu harus menerima kesan negatif dari sudut sosial, moral dan agama.³⁸

Kesan Awal Yang Dihadapi Pekerja

Penutupan lombong besi di Bukit Besi secara tiba-tiba telah memberi kesan psikologi yang amat ketara kepada pekerja-pekeraj. Pada umumnya mereka menghadapi tekanan jiwa. Mereka tidak bersedia menghadapi situasi begini. Mereka merasakan masa depan keluarga dan anak-anak gelap. Untuk memulakan kehidupan baru bukannya mudah. Keadaan menjadi bertambah buruk lagi sekiranya ada di antara mereka tiada simpanan. Sebahagian besar di kalangan bekas pekerja-pekerja lombong tidak membuat tabungan. Cara hidup mewah dan boros selama ini amat merugikan mereka. Setelah pemberhentian kerja, sebahagian daripada mereka menjadi penganggur. Bagi Pekerja-pekerja yang mempunyai kemahiran tidaklah menghadapi banyak masalah Sesetengah daripada mereka berhijrah ke Pahang, Selangor dan Perak. Golongan ini melibatkan diri dalam aktiviti perlombongan timah terutama di Sungai Lembing, Pahang. Bagi yang tidak berkemahiran, kehidupan

³⁸ Zakaria Maz, *Bukit Besi Menangis*, *Berita Harian*, 18.2.1972, hlm. 124.

mereka tidak dapat diramalkan. Akibat ketiadaan pekerjaan, ramai di antara mereka terpaksa memberhentikan persekolahan anak-anak. Mereka membuat kerja-kerja tradisi seperti bertani dan menangkap ikan bagi meneruskan kehidupan. Amat sukar bagi mereka untuk menerima hakikat sebegini, pekerjaan sebagai petani dan nelayan di Terengganu cuma sekadar sara diri sahaja, ia tidak mampu memberi kemewahan hidup kepada mereka.³⁹

Ada juga bekas-bekas pelombong memulakan perniagaan. Namun apa yang didapati, sebahagian besar mereka gagal dalam bidang yang diceburi. Hal ini terjadi kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang perniagaan. Kebanyakan daripada mereka memulakan perniagaan runcit dan kedai makan. Oleh kerana tiada perancangan yang teliti dan muafakat dalam menentukan jenis perniagaan, situasi ini menimbulkan banyak persaingan sedangkan pasaran adalah terhad. Akibat daripada itu, banyak kedai-kedai runcit yang dibuka tidak dapat bertahan lama. Dengan jumlah penduduk yang kian kecil sudah tentu sukar untuk memperolehi jumlah jualan yang tinggi. Akhirnya sebahagian peniaga runcit terpaksa menutup perniagaannya. Bagi yang berani mengambil risiko dan berkebolehan, mereka berhijrah ke tempat lain. Kebiasaan ini cepat menyesuaikan diri dengan keadaan. Negeri Pahang menjadi tumpuan mereka. Oleh kerana Pahang agak berdekatan serta mempunyai peluang pekerjaan yang banyak, ia menjadi fokus penduduk Terengganu. Hal ini ditambah lagi tumpuan Kerajaan Pusat terhadap negeri Pahang kerana kebetulannya, Perdana Menteri Tun Abdul Razak Hussien adalah anak jati Pahang, maka sudah tentu Pahang dimajukan. Walau bagaimanapun, tidak semua berpeluang mendapat pekerjaan yang sesuai. Bagi pekerja lombong yang mempunyai kemahiran lebih berasih baik mendapat pekerjaan yang

³⁹ *Fail EMMCO*, Pejabat Sura Gate, Dungun 28 November 1970.

memberi pendapatan lumayan. Manakala bekas buruh kasar di lombong Bukit Besi kurang mendapat perhatian dari Kerajaan Negeri Pahang. Mereka ini cuma menjadi buruh sambilan dan kontrak sahaja, manakala sebahagiannya terpaksa pulang ke Terengganu kerana gagal mendapat sebarang pekerjaan. Kerajaan Pahang mengutamakan rakyatnya terlebih dahulu berbanding dengan orang luar.

Kesan Ekonomi

Ditinjau dari sudut ekonomi, penutupan lombong bijih besi di Dungun memberi kesan yang amat jelas. Apabila sahaja lombong ditutup, kegiatan ekonomi di Bukit Besi dan Dungun lumpuh sama sekali. Bandar Dungun yang sibuk dan hidup sepanjang hari tiba-tiba mati dan sepi. Masyarakatnya mula menghilangkan diri, bangunan-bangunan yang dulunya beroperasi telah kaku dan tidak lagi berfungsi. Rumah-rumah tumpangan dan rumah kongsi pekerja lenyap. Suara manusia berurus niaga sunyi secara tiba-tiba. Bandar Dungun dan Bukit Besi pada suatu ketika dahulu didiami hampir 30 ribu orang lenyap sama sekali, ianya cuma menjadi kenangan di lipatan sejarah tanah air. Kedai-kedai yang menjual barang-barang mewah dari luar negeri turut tiada. Bandar Dungun jelas memperlihatkan wajah-wajah muram. Jika dahulu bandar Dungun dianggap syurga kepada penduduk negeri Terengganu, tetapi selepas penutupan lombong besi ia tidak mempunyai apa-apa erti lagi.⁴⁰

Oleh kerana bandar Dungun pernah menjadi tumpuan manusia, sektor perhotelan sangat tinggi permintaannya. Ia merupakan satu bentuk perniagaan yang lumayan. Namun seperti perniagaan lain, ia turut terjejas teruk apabila lombong ditutup. Hotel-hotel yang penuh sesak sebelum ini kini tiada lagi pengunjungnya, rumah-rumah sewa turut ditinggalkan penghuni. Penduduk tempatan mengeluh

⁴⁰ Nawawi Muhamad "Bukit Besi Sudah Mati" *Dewan Masyarakat*, Disember, 1970, hlm. 48.

kebingungan. Punca pendapatan turut hilang. Petani-petani yang mengeluarkan hasil tanaman tidak ada pasaran. Barang keluaran mereka tiada pembeli. Bagi penduduk yang berulang alik dari Dungun ke Bukit Besi terpaksa berjalan kaki kerana perkhidmatan keretapi telah dihentikan.

Bagi bandar Bukit Besi, suasana lebih menyedihkan. Keadaan terang benderang menjadi gelap gelita. Jika sebelum penutupannya, kawasan Bukit Besi disimbahi dengan cahaya elektrik yang dibekalkan 24 jam oleh EMMCO, kini telah diberhentikan sama sekali. Keadaan riuh rendah menjadi bisu, yang kedengaran cuma suara-suara penghuni rimba.

Kepentingan keretapi sangat besar maknanya kepada penduduk tempatan Peniaga-peniaga tempatan dan luar membawa barang dagangan dengan menggunakan untuk dijual kepada pekerja-pekerja lombong dan penduduk Bukit Besi. Mereka berupaya meraih pendapatan lumayan pada masa itu. Kemajuan perniagaan mereka telah menyebabkan lahirnya golongan kaya di Dungun. Mereka ini dianggap saudagar di bandar Dungun. Namun semua itu berakhir apabila lombong ditutup. Daerah Dungun kembali miskin sama seperti daerah-daerah lain di negeri Terengganu. Golongan kaya berhijrah ke tempat-tempat lain untuk mencari peluang perniagaan yang lebih baik.⁴¹

Bagi Kerajaan Negeri Terengganu, penutupan lombong Bukit Besi bermakna hilang pendapatan utama negeri. Tahun 1972 telah menyaksikan Kerajaan Negeri mengalami kekurangan pendapatan sebanyak 2 juta. Ekoran dari itu, banyak

⁴¹ Zainal Kling *Masyarakat Melayu antara Tradisi dan Perubahan*, Utusan Publication & Distributions, Kuala Lumpur, 1977 hlm. 24.

perancangan kerajaan tidak dapat dilaksanakan. Malah dalam sesetengah keadaan, jentera kerajaan tidak berjalan lancar.

Kesan Dari Segi Sosial

Masalah ekonomi merupakan salah satu faktor yang meruntuhkan institusi keluarga dan masyarakat. Penutupan lombong bermakna terhentinya pendapatan pekerjanya. Ketiadaan sumber pendapatan menyebabkan suasana rumah tangga tidak seimbang. Tuntutan keperluan asas tidak dapat dipenuhi. Keciciran dalam pendidikan mulai terasa. Ramai diantara anak-anak pelombong tidak meneruskan pelajaran ke peringkat menengah tinggi. Kebiasaannya cuma sekadar LCE @ SRP. Suasana rumah tangga yang tidak tenteram menyebabkan anak-anak mulai liar, kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan ekonomi yang tertekan telah membawa perkelahian suami isteri. Anak-anak bekas pekerja lombong ramai yang terjebak dengan dadah. Pada tahun 1970an kadar penagihan dadah meningkat di Terengganu. Oleh kerana usia muda dan tidak mempunyai pelajaran yang cukup maka sudah tentu yang muda terpedaya dengan pengaruh negatif.⁴² Di kawasan Dungun dan Bukit Besi, anak-anak bekas pelombong merupakan peratus terbesar yang terlibat dengan dadah. Kesan dari itu, banyak masalah sosial yang lain berlaku seperti mencuri, menipu dan bergaduh. Keadaan sedemikian adalah disebabkan kekecewaan ahli keluarga terhadap nasib malang yang menimpa mereka akibat penutupan lombong besi di Dungun.

Kesan Dari Segi Pendidikan

Ibubapa berupaya memberi pendidikan yang sempurna jika mempunyai pendapatan yang baik. Pada awal tahun 1960an, rata-rata ibubapa telah menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah yang baik termasuklah sekolah Inggeris di Dungun malah hingga ke Kuala Terengganu. Mereka sememangnya merupakan masyarakat yang sedar tentang kepentingan pendidikan. Apabila penutupan lombong

⁴² Senu, A.R, *Revolusi Mental*, Penerbitan Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1970 hlm. 77-78.

bijih besi, anak-anak yang belajar di luar Dungun telah berhenti dari meneruskan persekolahan. Sesetengahnya menukarkan anak mereka ke Dungun bagi menjimatkan perbelanjaan. Bagi yang tiada simpanan, mereka terpaksa memberhentikan terus persekolahan anak-anak mereka. Anak-anak ini terpaksa mencari pekerjaan bagi membantu keluarga.⁴³

Pekerja-pekerja yang datang dari luar daerah Dungun juga terpaksa menamatkan persekolahan anak-anak masing-masing kerana mereka terpaksa pulang ke kampung halaman. Pemindahan mereka turut disertai oleh anak-anak. Oleh kerana tinggal di kampung dan kurang kemudahan, ditambah tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi, maka anak-anak tidak dapat meneruskan pelajaran. Bagi anak perempuan, mereka akan dikahwinkan apabila cukup dewasa. Bagi yang lelaki terpaksa membantu ayah di sawah atau di laut. Ini merupakan sekelumit masalah yang dihadapi oleh bekas pekerja lombong Bukit Besi.

Walau bagaimanapun, bagi bekas pekerja lombong yang sentiasa menabung semasa memperolehi pendapatan lumayan mereka tidak menghadapi masalah. Anak-anak mereka tetap mendapat pendidikan yang sempurna dan masalah ekonomi mereka tidaklah ketara kerana kekurangan pendapatan dapat ditampung dengan wang simpanan sebelum ini.

Kepentingan Penemuan Kesan Perlombongan Besi Di Bukit Besi

Hasil penjelajahan kawasan perlombongan di Bukit Besi, banyak bahan-bahan sejarah yang amat bahaya ditemui di kawasan bandar Dungun dan Bukit Besi. Dalam tempoh 50 tahun yang lalu, Bukit Besi terkenal sebagai pengeluar besi utama di

⁴³ Jabatan Pelajaran Terengganu, Laporan Tahunan 1 Oktober 1970 hingga September 1971, hlm. 1.

Tanah Melayu. Maka sudah tentu terdapat banyak tinggalan yang menarik dari sudut sejarah. Dalam bahagian yang lalu, ada menyatakan kewujudan bandar-bandar baru. Pada masa yang sama, ditemui kesan yang berharga seperti sisa-sisa jentera perlombongan, terowong tapak-tapak lombong yang ditinggalkan, tapak relau memasak besi pada masa pemerintahan Jepun dan juga bangunan-bangunan lama yang ditinggalkan. Adalah diyakini penemuan ini banyak memberi nilai sentimental kepada penduduk negeri Terengganu amnya dan bekas pekerja-pekerja Bukit Besi khasnya⁴⁴¹

Kesan Sejarah

Penulis sejarah dapat mentafsir nilai sejarah Bukit Besi berdasarkan penemuan Terowong Kg. Che Lijah. Ini dapat menceritakan betapa pentingnya pengangkutan keretapi kepada bandar Dungun dan penduduknya. Bermula dari sinilah, kita lihat kelahiran kampung-kampung dan penempatan sepanjang perjalanan landasan keretapi dari Stesen Nibong hingga ke Bukit Besi. Terowong ini penting untuk mendekatkan perjalanan dari Bukit Besi ke Sura Gate Dungun. Penemuan peralatan lombong seperti jentera dan sisa-sisa alatan pengorek tapak menjelaskan kaedah perlombongan yang digunakan di Bukit Besi. Penulis dapat memberi kenyataan yang tepat terhadap kaedah perlombongan mengikut tahap-tahapnya. Pada zaman NMC, peralatan yang digunakan agak ringkas dan mudah. Ia lebih kepada penggunaan buruh. Ini berdasarkan alatan yang digunakan oleh NMC. Dalam hal ini, gambar yang diperolehi dari fail-fail Kerajaan Negeri dan gambar diambil di kawasan tapak yang ditemui dapat membuktikan kenyataan ini.

⁴⁴ Zakaria Maz, *Bukit Menangis Lagi, Berita Harian*, 4.1.1974, hlm. 12.

Bangunan-bangunan lama yang ditinggalkan menggambarkan perihal betapa pentingnya bandar Bukit Besi. Rumah-rumah kediaman pegawai-pegawai EMMCO masih boleh dilihat dengan jelas. Selain dari itu, kita juga boleh temui bangunan pentadbiran, tapak-tapak bangunan kilang serta sisa bangunan tempat pekerja-pekerja lombong tinggal. Kesan-kesan penemuan ini mempunyai nilai sejarah yang berharga kepada generasi akan datang dan kepada para sejarahwan. Sumber ini menjadi bukti dan saksi kewujudan sejarah keemasan kawasan Bukit Besi. Hampir 31 tahun kawasan ini telah ditinggalkan dan sebahagian besar kesan-kesannya turut hilang dimamah hujan dan panas, juga sebahagian kesannya telah diroboh oleh insan yang tidak bertanggungjawab dan tidak menyedari nilai sejarah⁴⁵. Banyak landasan-landasan keretapi telah dimusnahkan oleh penduduk tempatan. Sebahagian besi-besi landasan telah dicuri dan dijual kepada pihak pemborong besi buruk yang kemudian dibawa ke Perwaja Kemaman untuk dileburkan.

Penemuan tapak lombong adalah salah satu bukti terpenting kepada pengkaji sejarah. Melalui tapak ini, ahli sejarah mampu membuat kajian yang mendalam tentang sejarah perlombongan besi di Bukit Besi. Ahli sejarah tidaklah bergantung kepada sumber bertulis sahaja. Biarpun sumber bertulis yang di dapati dalam bentuk Anual Report tetapi mengenali sejarah Bukit Besi secara dekat dalam bentuk fizikal adalah lebih tepat dan bermakna. Andai kata tapak-tapak ini dipelihara, dipercayai ia menjadi tarikan kepada penduduk Malaysia untuk mengenali Bukit Besi secara berkesan. Bandar Bukit Besi yang ditinggalkan hampir mati juga boleh dianggap satu penemuan penting. Jika tidak ada usaha pengkaji sejarah, suatu hari nanti generasi akan datang tidak mengetahui bahawa bandar Bukit Besi lahir akibat kegiatan perlombongan bijih besi. Pada hari ini, bandar Bukit Besi menghadapi ancaman

⁴⁵ Pembangunan semula Bukit Besi, *Berita Darul Iman*, 26.8.1975, hlm. 16.

penghapusan identiti sejarahnya kerana bijih besi tidak lagi dilombong di sini, maka sektor lain cuba dibangunkan. Adalah tidak mustahil suatu hari nanti, Bukit Besi akan ditukar nama kepada bandar lain yang berkaitan dengan kegiatan ekonomi semasa. Bukit Besi banyak menghadapi masalah untuk kekal sebagai pusat penempatan dan bandar yang terus berfungsi.⁴⁶

Memelihara Kesan Sejarah

Sesungguhnya Bukit Besi mempunyai nilai sejarah yang tinggi. Di negeri Terengganu tidak ada satu pun lombong yang lahir sebesar Bukit Besi. Bukit Besi juga sangat bermakna kepada ekonomi negeri Terengganu pada zamannya. Ia juga mempunyai sumbangan cukup besar kepada penduduk tempatan dan pekerja-pekerjanya. Bagi yang pernah hidup di Bukit Besi ia mempunyai nilai sentimental. Menyedari hakikat ini satu usaha untuk mengekalkan kesan sejarahnya perlu dilakukan. Sehingga kini, tiada usaha yang sungguh-sungguh dari pihak berwajib khususnya Kerajaan Negeri untuk mengusahakannya. Penulis begitu sedih melihat banyak daripada khazanah sejarah Bukit Besi terhapus begitu sahaja. Kekurangan kesedaran dari sudut persejarahan menyebabkan usaha pemeliharaan terabai.


⁴⁶ Laporan Kemajuan Tahunan 1974, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), hlm. 102.



Gambar 6.3 : Rumah tempat pembakaran arang batu bagi menghasilkan tenaga untuk melebur besi.



Gambar 6.4 : Gambar menunjukkan papan tanda menunjukkan kawasan bersejarah di Bukit Besi. Kawasan ini merupakan tempat pengumpulan besi sebelum dibawa ke bandar Dungun.



Gambar 6.5 : Sisa-sisa bangunan yang ditunjukkan merupakan tapak relau melebur besi yang dibina oleh penjajah Jepun semasa Perang Dunia ke-2.

Kerajaan Negeri Terengganu sepatutnya dari awal-awal lagi mewartakan bahawa kawasan lombong Bukit Besi sebagai kawasan peliharaan dan perlindungan bahan sejarah. Kawasan ini tidak dibenarkan berlaku sebarang pencerobohan. Sepatutnya Kerajaan Negeri Terengganu mengikut langkah Kerajaan Pahang Di Negeri Pahang, kerajaannya bertindak pantas menjadikan kawasan Sungai Lembing sebagai kawasan timah. Kerajaan Negeri juga telah membina sebuah Muzium Sungai Lembing. Penulis begitu kagum melihat keperihatinan Kerajaan Pahang terhadap nilai sejarah Sungai Lembing.⁴⁷

Jika dibandingkan antara Sungai Lembing dengan Bukit Besi, kita dapatil nilai sejarah Bukit Besi jauh lebih tinggi. Di Malaysia Bukit Besilah satu-satunya lombong besi yang terbesar di negara kita malah di dunia. Ia juga mempunyai sejarah yang panjang dan tersendiri. Penemuannya bermula dari zaman Sultan Zainal Abidin ke III lagi. Selain daripada itu kita boleh lihat penglibatan syarikat-syarikat asing khususnya NMC dan EMMCO. Persoalan yang timbul kenakah tidak ada insan yang menyedarinya. Penulis tertanya-tanya apakah pemimpin negeri dan politik fikirkan?

Pada hari ini sebahagian pendapatan Negeri Melaka datangnya dari produk perlancongan yang berteraskan sejarahnya. Pandangan jauh pemimpinnya memelihara kesan sejarah silamnya telah memberi hasil ekonomi yang cukup bererti kepada Melaka pada hari ini. Dalam hal ini penulis melihat pemimpin Negeri Terengganu begitu sempit pemikiran. Mereka yang dilantik tidak mempunyai wawasan dan tidak berkemampuan melihat jauh.

⁴⁷ muzium sungai Lembing, *Berita Harian*, 2.1.2001, hlm. 11.

Penulis mencadangkan Kerajaan Negeri Terengganu segerakan satu rancangan pemeliharaan khazanah sejarah di Bukit Besi secepat mungkin. Kerajaan juga harus memainkan peranan untuk memulihkan kesan sejarah yang hampir pupus. Usaha mencari kesan-kesan atau bahan-bahan sejarah yang dicuri harus diusahakan. Untuk mengekalkan nilai sejarah di kawasan Bukit Besi Kerajaan Negeri harus membuat satu perancangan untuk mengekal suasana sebenar Bukit Besi sebagaimana sebelum EMMCO meninggalkannya. Penulis berkeyakinan untuk tatapan generasi akan datang malah ia akan menjadi produk pelancongan kepada Daerah Dungun dan Bukit Besi.⁴⁸

Pembukaan Kilang Besi

Penutupan lombong besi di Bukit Besi adalah disebabkan oleh besi yang dihasilkan oleh EMMCO tidak dapat dijual di Jepun. Masalah kedua adalah di sebabkan Kerajaan Negeri tidak meluluskan kawasan baru yang dipohon oleh EMMCO. Sesungguhnya dua faktor tersebutlah menjadi sebab utama penutupannya. Adalah di percayai masalah ini dapat di atasi jika pada masa itu Kerajaan Pusat atau Negeri menjalankan dasar perindustrian. Semasa pentadbiran Tun Razak, beliau lebih menumpukan dasar pertanian. Banyak tanah-tanah baru dibuka. Rancangan Tanah Persekutuan (FELDA) lebih di utamakan. Hal ini menyebabkan Bukit Besi tidak dilihat penting. Jika ada zaman tersebut berlaku dasar perindustrian nescaya lombong besi terus beroperasi sehingga sekarang. Ini berdasarkan peralatan masih ada, cuma kerajaan perlu mencari pasaran baru atau mungkin mewujudkan PERWAJA pada hari ini. Ini kerana kos yang ditanggung tidaklah mahal kerana sudah ada peralatan yang ditinggalkan, cuma baik pulihnya sahaja. Pembinaan kilang besi menjadikan Bandar Dungun terus berkembang. Pada masa kini kerajaan masih boleh untuk membina

⁴⁸ Temuramah dengan En. Yusof Alias di Sura Gate, Dungun pada 26.2.2001 di rumahnya.

kilang besi dan mengusahakan perlombongan besi kembali. Namun apa yang perlu dibuat adakah menguntungkan kerana semua alatan mesti dibeli. Dalam hal ini Unit Perancang Ekonomi perlu membuat satu penyelidikan rapi terhadap cadangan ini. Jika ianya memberi keuntungan pekara ini wajar disegerakan.⁵⁰

Dalam hal ini kemungkinan menghadapi banyak masalah. Kerajaan Pusat boleh mengusahakannya tetapi timbul masalah kerjasama dengan Kerajaan Negeri Perbezaan politik menyulitkan usaha untuk menjadikan Bukit Besi beroperasi kembali. Kerajaan Pusat tidak mempunyai kuasa terhadap tanah di Terengganu kerana ia adalah di bawah Kerajaan Negeri. Dalam suasana politik hari ini cadangan ini agak mustahil di laksanakan.

Peranan Kerajaan Dalam Sektor Perindustrian

Kerajaan Terengganu harus berusaha memajukan sektor perindustrian. Memandangkan perlombongan besi sudah ditutup, kerajaan harus menumpukan perhatian dalam sektor perindustrian makanan atau yang berteraskan bahan mentah tempatan. Kerajaan Terengganu melalui syarikat Permika Sendirian Berhad anak syarikat SEDC, sebuah kilang kacang di Kuala Ibai didirikan. Tujuan syarikat ini wujud untuk membantu petani-petani memasarkan hasil kacang mereka. Kacang-kacang diproses dan dipasarkan ke seluruh Malaysia. Pada tahun 1980an SEDC telah menubuhkan PERTIMA. PERTIMA merupakan usaha kerajaan dalam sektor industri makanan. Melaluinya Negeri Terengganu mengorak langkah dalam industri mengetin makanan seperti sardin, sekaya, jem, sos, jus buah-buahan dan berbagai jenis keluaran

⁵⁰ Kenyataan En. Wan Mohd Nor bin wan ahmad, bekas Pengurus Besar PERTIMA, temuramah di pejabatnya di Kuala Lumpur, 6.6.2001, hlm. 6.

makanan dalam tin. Hasil kewujudan industri ini banyak peluang pekerjaan dapat disediakan untuk anak negeri.⁵¹

Kadar pengangguran yang tinggi di daerah Dungun sangat membimbangkan Suasana sebegini jika dibiarkan boleh meningkatkan kadar jenayah seperti kecurian, rompakan dan pelacuran. Kerajaan Negeri Terengganu telah menubuhkan sebuah syarikat garam Terengganu Sendirian Berhad untuk memajukan kawasan Pantai Penarik, Mercang, Dungun seluas lebih kurang 36 ekar yang dianggarkan dapat mengeluarkan lebih 50,000 tan garam sebulan.⁵² Perusahaan ini telah dapat memberi peluang pekerjaan hampir 100 orang penduduk Kg. Mercang yang bersempadan dengan daerah Dungun dan Marang. Namun agak malang projek ini gagal diteruskan kerana kurang perancangan dan penyelidikan yang mendalam sebelum memulakannya. Pengeluaran garam di kawasan ini rendah mutunya. Garam dihaburkan mengambil masa yang agak lama dan tidak cukup masin. Kos pengeluarannya terlalu tinggi dan merugikan. Selain dari itu didapati kandungan air laut tidak mencapai kemasinan sebenar bagi membolehkan ia diproses menjadi garam yang bermutu. Dalam hal ini Kerajaan Negeri mengalami kerugian berjuta-juta ringgit akibat kurangnya penelitian terhadap satu-satu projek yang diusahakan⁵³

Kerajaan Negeri sepatutnya membuat penyelidikan terlebih dahulu sebelum membuat satu-satu projek besar agar tidak mengalami kegagalan. Saranan Kerajaan Negeri harus menumpukan perhatian kepada industri kecil di desa-desa terutama di kampung-kampung nelayan dan kawasan pendalaman. Negeri Terengganu yang mempunyai jumlah kaum nelayan yang teramai di Malaysia harus menjadi asas

⁵¹ *Utusan Melayu*, 8.11.1975, Kuala Lumpur 1975

⁵² Laporan Kemajuan Negeri Terengganu 1976-1980 diterbitkan oleh Pejabat Kemajuan Negeri Terengganu, 1980, hlm. 47.

⁵³ Temuramah dengan En. Mokhtar bin Ismail, Pegawai Daerah Dungun pada 21.8.2002 di pejabatnya Bangunan Pejabat Daerah Dungun .

perhitungan kepada dasar kerajaan. Projek perindustrian berasaskan ikan atau hasil laut patut diberi keutamaan seperti memajukan perusahaan membuat keropok, ikan bilis, ikan kering atau penternakan ikan di persisir pantai atau air paya. Bagi penduduk luar bandar projek industri kecil berteraskan hasil kampung patut diutamakan. Agensi-agensi pemasaran harus memainkan peranan akhir memasarkan hasil pengeluaran mereka. Dalam hal ini Kerajaan Negeri dan Pusat gagal melakukannya dengan berkesan Akibat dari ini ramai penduduk di luar bandar di Negeri Terengganu hidup di paras kemiskinan terutama di Hulu Dungun, Hulu Terengganu dan Marang. Kehilangan sumber pendapatan akibat penutupan lombong lebih-lebih lagi diragui oleh golongan bawahan. Mereka merasakan nasib mereka tidak pernah diambil tahu oleh pemerintah.

Kerajaan Negeri Terengganu di akhir-akhir ini telah cuba memajukan Negeri Terengganu dalam sektor pelancongan. Bagi mengekalkan Bukit Besi terus menjadi kawasan tumpuan, Kerajaan Negeri membelanjakan hampir RM10 juta untuk menyediakan kemudahan pelancongan seperti padang golf, resort serta kemudahan infrastruktur yang lain. Kawasan Bukit Besi di pindahkan dengan berbagai kemudahan seperti sukan air dan sebagainya. Usaha-usaha menarik pelancong datang ke Bukit Besi giat diusahakan.

Cadangan Dan Saranan

Pada awal penutupan lombong Bukit Besi dan wolfram di Bukit Lentor, kita dapat temui banyak alatan-alatan tinggalan syarikat perlombongan yang sangat berharga kepada sejarah. Bahan-bahan ini jika disimpan dan dijaga ia mempunyai

nilai sejarah yang sangat tinggi. Bahan-bahan ini menjadi bukti kepada kewujudan Bukit Besi, lombong bijih besi, Bukit Lentor dan lombong wolfram.⁵⁴

Pada hari ini jika mengunjungi Bukit Lentor di Pasir Raja ia sangat menyedihkan. Kawasan lombong wolfram sudah menjadi rimba dan didiami binatang buas seperti gajah, harimau dan sebagainya. Dari penjejakan penulis banyak terdapat tapak-tapak kaki gajah ditemui. Perihal yang sama juga berlaku kepada Bukit Besi. Bekas-bekas lombong banyak yang telah dihapuskan dan dijadikan kawasan pelancongan. Bangunan-bangunan lama terbiar tanpa penjagaan. Barang-barang yang berharga seperti rel keretapi telah dicuri orang dan dijual sebagai besi buruk. Paling menyedihkan ada kedapatan bahan-bahan sejarah dimusnahkan tanpa tujuan.

Pembinaan Muzium Bukit Besi

Sejarah pembukaan lombong Bukit Besi amat unik. Tidak seperti di tempat lain perlombongan diusahakan oleh Cina. Bagi perlombongan di Terengganu ia diasaskan dan diusahakan oleh orang Melayu.⁵⁵ Orang Melayu Terengganu agak aktif terutama rajanya iaitu Sultan Zainal Abidin III. Sejarah awal ini harus dipaparkan kepada umum tentang kewujudan Muzium Bukit Besi dimana kita boleh mengembalikan nostalgia lama kehebatan Bandar Bukit Besi yang suatu ketika dahulu sangat terkenal di Tanah Melayu. Adalah dipercayai banyak bahan-bahan sejarah boleh ditemui di kawasan Bukit Besi. Pihak muzium juga boleh mengambil bahan-bahan sejarah lombong Bukit Besi untuk dikumpul semula. Pada hari ini sangat sukar

⁵⁴ Temuramah dengan En. Mokhtar bin Ismail, Pegawai Ddaerah Dungun pada 2.8.2002 di Pejabatnya di Bangunan Pejabat Daerah Dungun.

⁵⁵ Orang Melayu Terengganu agak aktif dalam kegiatan ekonomi perlombongan. Mereka mempunyai perasaan terhadap kemelayuan, justeru mereka seboleh mungkin cuba menghalang kemasukan orang bukan Melayu ke negeri Terengganu, tidak seperti Melayu di Pantai Barat, membiarkan sector ini didominasi oleh orang Cina. Mereka akan cuba memenuhi keperluan tenaga kerja di Bukit Besi semaksima boleh daripada kalangan anak negeri. Kerajaan Negeri mengawal ketat tentang hal ini kerana sesuatu yang sensitif.

untuk melihat kesan tersebut kerana keadaaan agak berselerak. Sebahagian tinggalannya seperti keretapi dan peralatan melombong disimpan di Muzium Negeri, di Bukit Losong Kuala Terengganu. Manakala yang lain bertaburan di sekitar Bukit Besi dan lain-lain tempat. Sesungguhnya jika terdapat satu muzium di Bukit Besi, kenangan sejarah Bukit Besi dapat di singkap kembali. Tinggalan-tinggalannya dapat dipelihara. Pihak muzium juga berupaya membuat satu replika lombong bijih besi di Bukit Besi untuk tatapan umum.

Penyelidikan

Masyarakat kita seringkali melihat nilai sejarah sendiri dengan sebelah mata. Kejahanan tentang ilmu pensejarahan menyebabkan masyarakat kita tidak merasai apa-apa kehilangan terhadap penghapusan tapak-tapak sesuatu nilai budaya dan tamadunnya. Pada hari ini sejarah tentang bangsa kita tidak banyak kita tahu dari para pengkaji dan penyelidikan tempatan. Masyarakat kita terpaksa mencari sumber-sumber dari luar terutama dari Barat, India, Arab dan Cina.

Persoalan mengapakah terjadi sedemikian. Sejarah awal Negeri Terengganu tidak banyak kita temui dari sumber tempatan, jika ada pun ia boleh dipertikai kerana terdapat unsur metos dan tokok tambah yang diperolehi dari sumber lisan.

Bagi Bukit Besi penulis menyarankan harus ada satu usaha bersungguh ke arah penyelidikan yang benar-benar mendalam. Adalah dipercayai ada banyak rahsia dapat ditemui sepanjang 51 tahun lombong bijih besi ini beroperasi. Dari penyelidikan dan penjejakan dibuat di kawasan Bukit Besi, penulis cukup yakin Bukit Besi begitu istimewa untuk dikaji dan terdapat nilai-nilai sejarah pada masa hadapan terutama dari segi sosial dan kemanusian.

Penyelidikan boleh di buat dari semua sudut. Contohnya:-

- i. Penyelidikan tentang sosial budaya masyarakat awal Terengganu terhadap sektor perlombongan di Dungun.
- ii. Penyelidikan kepada golongan pemerintah (pembesar-pembesar) terhadap respon kepada perlombongan.
- iii. Penyelidikan boleh melihat peranan rakyat dan kreativiti terhadap sektor ini
- iv. Penyelidikan tentang peranan kerajaan Negeri dan Pusat.

Ekonomi Berteraskan Sumber Sejarah

Negeri Melaka satu contoh yang baik untuk diikuti. Lebih separuh pendapatan negeri dalam sektor pelancongan⁵⁶. Keluasannya hampir sama dengan daerah Dungun. Jika kita melawat malah banyak bangunan-bangunan lama di zaman Portugis dan Belanda dikekalkan. Kesemua bahan-bahan ini menarik perhatian orang ramai untuk mengunjungi bagi melihat sendiri peninggalan sejarah. Ternyata pendapatan negeri dalam sektor pelancongan sangat lumayan. Kebiasaan pelancong akan bermalam di Melaka sekurang-kurangnya satu hari satu malam. Dalam tempoh satu malam paling tidak RM 100.00 dibelanjakan di Melaka. Jika terdapat 1 juta pelancong dalam satu tahun Melaka memperolehi pendapatan kasar 1 bilion. Jumlah tersebut cukup untuk memberi kekuatan ekonomi kepada Melaka yang berteraskan sumber sejarah.

⁵⁶ Melaka Bandar Bersejarah, *'Utusan Melayu'*, 26.7.1998, hlm. 6.

Daerah Dungun dan Bukit Besi berkemampuan berbuat demikian. Ekonomi berteraskan bahan sejarah pasti dapat memberikan pulangan yang lumayan. Langkah pertama Kerajaan Negeri berusaha mewujudkan suasana sebenar Bukit Besi. Sewaktu kemunculannya, jalan keretapi dan semua yang ada di baik pulih dan berfungsi dengan baik. Pengunjung bandar Dungun boleh menikmati suasana seolah-olah perkara sebenar di zaman perlombongan. Bandar, bangunan dan kenderaan pada zaman perlombongan diadakan. Masyarakat yang hampir sama seperti pakaian dan lain-lain dipaparkan dengan sebaik-baiknya. Jika ini di wujudkan penulis percaya kawasan Dungun menjadi tumpuan pelancong. Pada hari ini pelancong tidak berminat datang ke Bukit Besi kerana golfnya. Mereka boleh bermain golf di tempat lain yang lebih selesa dan banyak kemudahan. Tetapi mereka akan datang ke Dungun untuk menikmati kehidupan masyarakat di masa perlombongan bijih besi.